

**LAPORAN**  
**PANEL TOKOH TOKOH TERKEMUKA**  
**UNTUK**  
**MENGKAJI SEMULA KRISIS BADAN KEHAKIMAN 1988**  
**DI MALAYSIA**

**DUA PULUH ENAM JULAI DUA RIBU LAPAN**  
**KUALA LUMPUR**

## **AHLI-AHLI PANEL**

1. **Yang Bhg. Hakim (Bersara) Mr. J.S. Verma,** Pengerusi  
Bekas, Ketua Hakim Negara India  
Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan  
Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Madhya Pradesh Rajasthan  
Dan Pemangku Gabenor Negeri Rajasthan.
2. **Yang Bhg. Hakim (Bersara) Mr. Fakhruddin G Ebrahim,** Ahli  
Bekas, Hakim Mahkamah Agung Pakistan  
Menteri Undang-Undang Persekutuan, Peguam Negara Pakistan  
dan Gabenor Wilayah Sindh.
3. **Dr. Pn. Asma Jahangir** Ahli  
Peguambela, Mahkamah Agung Pakistan  
Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pakistan  
Pelapor Khas Bangsa-bangsa Bersatu dan Pemenang  
Anugerah Magsaysay.
4. **Tan Sri Dato' Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman** Ahli  
Peguambela Kanan Mahkamah Tinggi Malaysia  
Rakan Kongsi di Firma Guaman Nik Saghir & Ismail,  
Kuala Lumpur, Malaysia.
5. **Mr. Gordon Hughes** Ahli  
Bekas Presiden Institusi Undang-Undang Victoria  
Majlis Undang-Undang Australia, LAWASIA, dan Rakan  
Kongsi di Blake Dawson, Peguam-Peguam, Melbourne.
6. **Dato' W.S.W. (Bill) Davidson** Ahli  
Barrister-at-Law  
Rakan Kongsi Kanan, Azman Davidson & Co.,  
Peguambela dan Peguamcara, Kuala Lumpur, Malaysia.

## **BIDANG TUGASAN**

BAHAWASANYA sebuah Tribunal telah dilantik pada 11 Jun 1988 (“Tribunal Pertama”) mengikut Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan untuk menyiasat dan mengemukakan satu laporan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai beberapa tuduhan terhadap YAA Ketua Hakim Negara, Mahkamah Agung Malaysia, Tun Dato’ Haji Mohamed Salleh bin Abas (“Tun Salleh Abas”); dan

BAHAWASANYA sebuah lagi Tribunal telah dilantik pada 12 Ogos 1988 (“Tribunal Kedua”) mengikut Perkara 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan untuk menyiasat and mengemukakan satu laporan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai beberapa tuduhan terhadap Hakim-Hakim Mahkamah Agung pada ketika itu,, iaitu Tan Sri Wan Suleiman bin Pawan The (“Tan Sri Wan Suleiman”), Datuk George Edward Seah (“Datuk George Seah”), Tan Sri Dato’ Haji Mohd. Azmi bin Dato’ Hj. Kamaruddin, Tan Sri Dato’ Seri Eusoffe Abdoolcader dan Tan Sri Dato’ Wan Hamzah bin Hj. Mohd. Salleh; dan

BAHAWASANYA Tribunal Pertama melalui laporannya bertarikh 7 Julai 1988, telah mencadangkan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Tun Salleh Abas dipecat dari jawatan beliau sebagai Hakim dan sebagai Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung Malaysia dan ekoran daripada itu beliau telah dipecat; dan

BAHAWASANYA Tribunal Kedua melalui laporannya bertarikh 23 September 1988, telah mencadangkan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah disingkirkan dari jawatan mereka sebagai Hakim Mahkamah Agung Malaysia dan ekoran daripada itu mereka telah disingkirkan; dan

BAHAWASANYA peristiwa-peristiwa yang membawa kepada dan bersangkut dengan perlantikan Tribunal Pertama dan Kedua, peristiwa-peristiwa yang berlaku semasa perjalanan Tribunal Pertama dan Kedua dan penemuan serta cadangan-cadangan Tribunal Pertama dan Kedua telah mengakibatkan penelitian yang terperinci dan perbahasan yang hangat dikalangan masyarakat umum, di samping menimbulkan implikasi yang mendalam bukan sahaja terhadap isu-isu yang menyentuh perlembagaan bahkan juga isu-isu sehari-hari yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan di Malaysia, dan

BAHAWASANYA dewasa ini terdapat seruan dari Majlis Peguam, badan-badan bukan kerajaan, dan pihak media, supaya pihak kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mengadakan satu pemeriksaan semula yang teliti dan bebas terhadap peristiwa-peristiwa yang dinyatakan di atas, diadakan; dan

BAHAWASANYA pihak kerajaan telah menolak seruan-seruan ini.

OLEH YANG DEMIKIAN BERDASARKAN kepada keperluan untuk satu pemahaman yang menyeluruh, teliti dan penuh, serta untuk ketepatan rekod berkenaan peristiwa-peristiwa tersebut, dan bukan bagi maksud untuk menyalahkan mana-mana pihak:

ADALAH DIPUTUSKAN KINI bahawa Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Antarabangsa, Lawasia dan Transparency International-Malaysia menubuahkan sebuah Panel Tokoh-Tokoh Terkemuka (“Panel tersebut”) untuk mengkaji, menyiasat, menyemak semula dan melaporkan mengenai –

- a. peristiwa-peristiwa yang membawa kepada dan yang bersangkut paut dengan perlantikan Tribunal Pertama dan Kedua;
- b. Komposisi dan perbincangan Tribunal Pertama dan Kedua;
- c. Penemuan Tribunal Pertama dan Kedua;
- d. Kesan peristiwa-peristiwa tersebut terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia;
- e. Sebarang hal yang lain yang berkaitan atau berkenaan dengan yang tersebut di atas.

Perkara seperti yang berikut adalah Bidang Tugasan Panel tersebut:

- I. Mengkaji dan menyemak semula penemuan dan laporan Tribunal Pertama dan Kedua.
- II. Mempertimbangkan definisi salah laku kehakiman yang diterima pakai oleh kedua-dua Tribunal.
- III. Mempertimbangkan sama ada keahlian kedua-dua Tribunal, proses yang diterima pakai oleh mereka dan keputusan yang tercapai, adalah berasas atau sebaliknya dalam keadaan kedua-dua kes.
- IV. Menerima pakai semua langkah yang perlu, termasuk menemuduga saksi dan mana-mana orang lain yang berkaitan, memeriksa dokumen, dan mencari maklumat yang lebih lanjut bagi maksud mencapai satu keputusan yang betul.
- V. Mengemukakan laporannya beserta dengan cadangan yang difikirkan sesuai kepada Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Antarabangsa, Lawasia dan Transparency International-Malaysia.

**Ambiga Sreenevasan**  
Presiden  
Badan Peguam Malaysia

**Mah Weng Kwai**  
Presiden  
Lawasia

**Richard Yeoh**  
Pengarah Eksekutif  
Transparency International (Malaysia)

**Hj. Sulaiman Abdullah**  
Wakil  
Persatuan Peguam Antarabangsa

22 September 2007

## LAPORAN PANEL

### Pendahuluan

- 1.1 Krisis Kehakiman di Malaysia pada tahun 1988 telah memperlihatkan penyingkiran Ketua Hakim Negara, Tun Dato' Haji Mohamed Salleh bin Abas ("Tun Salleh") dan dua hakim kanan Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman bin Pawan Teh ("Tan Sri Wan Suleiman") dan Datuk George Edward Seah ("Datuk George Seah"), atas pertuduhan "salahlaku kehakiman" sungguhpun dakwaan tersebut telah di lihat oleh Majlis Peguam Malaysia dan pihak-pihak lain, sebagai tuduhan-tuduhan yang tidak daif dan berasas. Mereka telah melihat dakwaan-dakwaan ini sebagai tindakan pihak eksekutif untuk melemahkan kebebasan kehakiman dan keluhuran undang-undang ("rule of law") di dalam Negara ini. Seruan Majlis Peguam yang disokong oleh masyarakat umum untuk menyemak kembali peristiwa ini tidak diendahkan oleh pihak kerajaan.
- 1.2 Menjelang ulang tahun ke-dua puluh peristiwa-peristiwa ini, Majlis Peguam telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu badan bebas yang dikenali sebagai Panel Tokoh-Tokoh Terkemuka untuk mengkaji semula peristiwa-peristiwa tahun 1988. Sebuah Jawatankuasa Bersama yang terdiri daripada Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Antarabangsa, Lawasia dan Transparency International-Malaysia telah dibentukkan untuk menyelia keseluruhan projek tersebut.
- 1.3 Jawatankuasa Bersama telah memutuskan untuk meminta Panel Orang-Orang Terkemuka itu mempertimbangkan kesemua isu yang berkaitan dengan penyingkiran Ketua Hakim Negara dan dua hakim Mahkamah Agung pada tahun 1988 dan untuk mengemukakan kepada Jawatankuasa Bersama laporannya. Ahli-

ahli Panel dijangka mengadakan sekurang-kurang dua mesyuarat di Malaysia sebagai sebahagian daripada perbincangan mereka.

1.4 Maka, setelah memperolehi persetujuan mereka, Panel Orang-Orang Terkemuka itu telah dibentukkan dalam bulan Ogos 2007, yang terdiri daripada

1. Yang Berbahagia Hakim (Bersara) Mr. J.S. Verma, Pengerusi Bekas Ketua Hakim Negara India Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Madhya Pradesh Rajasthan Dan Pemangku Gabenor Negeri Rajasthan.
  2. Yang Berbahagia Hakim (Bersara) Mr. Fakhruddin G Ebrahim, Bekas Hakim Mahkamah Agung Pakistan Menteri Undang-Undang Persekutuan, Peguam Negara Pakistan dan Gabenor Wilayah Sindh.
  3. Dr. Pn. Asma Jahangir Peguambela, Mahkamah Agung Pakistan Pengerusi, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pakistan Pelapor Khas Bangsa-bangsa Bersatu dan Pemenang Anugerah Magsaysay.
  4. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman Peguambela Kanan Mahkamah Tinggi Malaysia Rakan Kongsi di Firma Guaman Nik Saghir & Ismail, Kuala Lumpur, Malaysia.
  5. Mr. Gordon Hughes Bekas Presiden Institusi Undang-Undang Victoria Majlis Undang-Undang Australia, LAWASIA, dan Rakan Kongsi di Blake Dawson, Peguam-Peguam, Melbourne.
  6. Dato' W.S.W. (Bill) Davidson Barrister-at-Law Rakan Kongsi Kanan, Azman Davidson & Co., Peguambela dan Peguamcara, Kuala Lumpur, Malaysia.
- 1.5 Mesyuarat pertama Panel tersebut telah diadakan di Kuala Lumpur pada 21-22 September 2007 di mana Bidang Tugasan telah di putuskan, dan pada mesyuarat awal Panel tersebut telah membincangkan tatacara dan prosedur yang akan diikuti.

- 1.6 Tugas Panel tersebut mengikut Bidang Tugasan bertarikh 22 September 2007 adalah seperti berikut:
- I. Mengkaji dan menyemak semula penemuan dan lapuran Tribunal Pertama dan Kedua.
  - II. Mempertimbangkan definisi salah laku kehakiman yang diterima pakai oleh kedua-dua Tribunal.
  - III. Mempertimbangkan sama ada komposisi kedua-dua Tribunal, proses yang diterima pakai oleh mereka dan keputusan yang tercapai, adalah berasas atau sebaliknya dalam keadaan kedua-dua kes.
  - IV. Menerima pakai semua langkah yang perlu, termasuk menemuduga saksi dan mana-mana orang lain yang berkaitan, memeriksa dokumen, dan mencari maklumat yang lebih lanjut bagi maksud mencapai satu keputusan yang betul.
  - V. Mengemukakan laporannya beserta dengan cadangan yang difikirkan sesuai kepada Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Antarabangsa, Lawasia dan Transparency International-Malaysia.
- 1.7 Ahli-ahli panel tersebut telah membuat keputusan untuk berjumpa lagi di Kuala Lumpur pada 11-12 April 2008 untuk meneruskan interaksi sesama sendiri. Pada mesyuarat yang kedua ini, kesemua isu telah dibincangkan semasak-masaknya dan kesemua bahan-bahan yang berkenaan telah diteliti. Keputusan telah dibuat untuk menyediakan laporan tersebut atas dasar tersebut sementara meneruskan perbincangan sesama sendiri sepanjang tempoh berkenaan.

- 1.8 Akhirnya, Panel tersebut telah menyediakan laporan ini. Panel tersebut telah berjumpa untuk kali ketiga di Kuala Lumpur bagi mengesahkan, menandatangani dan mengemukakan laporannya kepada Jawatankuasa Bersama.
- 1.9 Perbincangan terperinci dan keputusan yang dicapai bersama cadangan panel tersebut menyusul selepas ini. Adalah wajar selepas mukadimmah ini lapuran ini diteruskan dengan menceritakan latar belakang peristiwa-peristiwa yang mendahului krisis kehakiman 1988 dan fakta-fakta penting yang berkaitan dengan isu-isu berkenaan.

#### **Peristiwa-peristiwa yang membawa kepada perlantikan Tribunal Pertama**

- 2.1 Adalah diketahui umum bahawa pada 8 Ogos 1988 DYMM Yang di-Pertuan Agong telah menyingkirkan Tun Salleh sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku kehakiman bertindak atas cadangan satu tribunal yang ditubuh khas (“Tribunal Pertama”). Untuk menganalisiskan keputusan ini dengan tepat adalah perlu untuk menyemak semula latar-belakang peristiwa-peristiwa yang membawa kepada penubuhan Tribunal Pertama. Adalah mudah difahami bahawa keputusan ini adalah kemuncak daripada ketegangan yang semakin ketara antara Perdana Menteri dengan Ketua Hakim Negara yang bercampur aduk dengan andaian (yang tidak berdas) bahawa badan kehakiman bertindak berat sebelah menentang kerajaan bersama-sema dengan kegagalan pihak kerajaan untuk memahami betapa pentingnya asas konsep kebebasan kehakiman. Peristiwa-peristiwa yang mengakibatkan penubuhan Tribunal Pertama juga dikaburi dengan isu-isu percanggahan kepentingan yang jelas dan tindak-tanduk Tribunal Pertama yang terburu-buru menamatkan prosiding mereka dan seterusnya mengemukakan penemuan-penemuannya kepada Perdana Menteri dan DYMM Yang di-Pertuan Agong serta tindakan Perdana Menteri dan DYMM Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas penemuan-penemuan tersebut.

- 2.2 Keputusan Mahkamah Agung bertarikh 11 November 1986 dalam kes **JP Berthelsen v Director General of Immigration** dilaporkan pada [1987] 1 MLJ 134 seolah-olah menjadi punca meledaknya konflik tersebut. JP Berthelsen adalah wartawan kakitangan Asian Wall Street Journal yang telah diberi pas pekerjaan oleh kerajaan Malaysia selama tempoh dua tahun. Ketua Pengarah Imigresen telah menghendaki beliau meninggalkan negara ini dan telah menyerahkan ke atas beliau notis pembatalan berkuatkuasa dengan serta merta bagi pas pekerjaannya itu. Notis tersebut mengatakan bahawa beliau telah melanggar Akta Imigresen dan Peraturan-peraturannya dan telah gagal mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan didalam pas pekerjaannya itu dan bahawa kehadiran beliau di dalam Persekutuan telah atau boleh menjadkan keselamatan negara. Beliau tidak diberi peluang untuk mempertahankan diri. Perayu telah memohon untuk satu perintah *certiorari* untuk membatalkan penamatian pas pekerjaannya, tetapi hakim Mahkamah Tinggi telah menolak permohonannya. Rayuan telah ditetapkan pada 3 dan 11 November 1986 untuk perbicaraan di Mahkamah Agung di hadapan korum terdiri daripada Salleh Abas, Ketua Hakim Negara, Mohamed Azmi dan Abdoolcader, Hakim-Hakim Mahkamah Agung. Mahkamah Agung dalam satu keputusan bertulis sebulat suara membenarkan rayuan itu serta membatalkan penamatian pas pekerjaan Perayu.
- 2.3 Mahkamah Agung mendapati bahawa ini adalah satu kes di mana peraturan-peraturan keadilan sangat (“rules of natural justice”) menghendaki agar pemohon diberi peluang untuk membuat representasi.
- 2.4 Alasan dalam penghakiman di dalam kes ini bukanlah luar biasa dan konsisten dengan prinsip-prinsip perundangan di dalam suatu politik demokratik. Adalah juga diperhatikan bahawa ini merupakan satu-satunya kes yang melibatkan Tun Salleh dimana beliau membuat keputusan yang menentang kerajaan dalam tempoh yang berkaitan.

2.5 Pada ketika itu Dr.Mahathir bukan sahaja Perdana Menteri tetapi juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas portfolio imigresen. Nampaknya keputusan ini telah menimbulkan kemarahan Dr.Mahathir dan telah menyebabkan beliau menyerang badan kehakiman dalam satu temuduga oleh majalah Time yang dilaporkan dalam edisi majalah itu bertarikh 24 November 1986. Ulasan-ulasan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

“Badan Kehakiman memberitahu [kami], “Walaupun undang-undang dibuat dengan perkara tertentu didalam minda, kami berpendapat bahawa minda anda adalah salah dan kami mahu memberi tafsiran kami”. Sekiranya kami bertentangan pendapat, pihak mahkamah akan mengatakan, “Kami akan mentafsirkan pertentangan pendapat kamu”. Sekiranya kami bersetuju kami dengan cara ini, kami akan hilang kuasa membuat undang-undang. Kami memang mengetahui apa yang kami mahu lakukan, tetapi apabila kami melakukannya ianya akan ditafsir sebaliknya, dan kami tidak mempunyai cara untuk mentafsirnya semula mengikut cara kami. Jika kami mendapati bahawa mahkamah sentiasa membuang kes kami atas tafsirannya sendiri, sekiranya mahkamah mentafsir sesuatu rang undang-undang bertentangan dengan tujuan undang-undang itu dibuat maka kami harus mencari jalan untuk mengeluarkan undang-undang yang akan ditafsir mengikut kehendak kami”.

Ulasan ini jelas memperlihatkan sikap Perdana Menteri yang gagal menghargai peranan badan kehakiman di bawah Perlembagaan dan seterusnya rasa kekecewaan beliau terhadap sebuah badan kehakiman yang bebas.

2.6 Temuduga Dr. Mahathir dengan majalah Time telah menyebabkan satu permohonan pengkomitan dibuat oleh En. Lim Kit Siang terhadap Dr. Mahathir atas kesalahan menghina Mahkamah. Hakim Harun Hashim di Mahkamah Tinggi telah mendengar permohonan tersebut pada 11 Disember 1986. Walaupun beliau telah menolak permohonan itu, Hakim tersebut telah mengatakan bahawa Perdana Menteri keliru dengan konsep pemisahan kuasa dan keperluan badan kehakiman yang bebas dalam sistem demokrasi. Teguran itu tentunya tidak diterima baik oleh pihak eksekutif. Penghakiman Yang Arif Harun Hashim J telah dilaporkan di [1987] 1 MLJ 383.

- 2.7 Satu lagi penghakiman Mahkamah Agung yang dibuat pada 11 Mei 1987 dalam kes **Public Prosecutor v Dato' Yap Peng** yang dilaporkan dalam [1987] 2 MLJ 311 telah diperlihatkan dalam keadaan pada ketika itu sebagai memperkuatkan keazaman pihak kerajaan untuk meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kuasa badan Kehakiman Persekutuan. Dalam kes tersebut pihak responden didakwa di Mahkamah Sesyen kerana pecah amanah di mana dia menuntut pembicaraan. Pendakwa Raya bertindak di bawah seksyen 418A Kanun Keseksaan menghendaki kes tersebut dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan telah mengeluarkan sijil yang berkenaan bagi maksud tersebut. Pihak Responden ketika menghadapi tuduhan di hadapan Mahkamah Tinggi mencabar kesahihan seksyen 418A ibid. dibawah Perlembagaan atas alasan bahawa seksyen tersebut bercanggah dengan Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Tinggi telah mengesahkan cabaran pihak responden. Rayuan ke Mahkamah Agung telah dibicarakan oleh lima hakim termasuk Tun Salleh dan ditolak oleh majoriti (3-2) serta mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi, yang diperlihatkan sebagai konsisten dengan arah aliran umum undang-undang di negara-negara Komanwel. Walau bagaimanapun, Tun Salleh merupakan salah satu daripada dua hakim yang menentang dalam keputusan itu. Dalam keputusan beliau yang menentang, Tun Salleh telah mengambil pendapat yang menyebelahi pihak kerajaan bahawa kuasa untuk memindahkan kes tidak merupakan penggunaan kuasa badan kehakiman dan kerana itu seksyen 418A tersebut tidak menyalahi Perkara 121(1). Pentingnya pendapat Tun Salleh dalam kes ini adalah ianya mendakkan dakwaan yang dibuat terhadap beliau dalam prosiding penyingirkannya yang kononya beliau berat sebelah dan anti-kerajaan pada ketika itu.
- 2.8 Pada bulan Jun 1987, selepas pilihan raya Parti UMNO, di mana Dr. Mahathir telah mengekalkan jawatannya selaku Presiden UMNO dengan majoriti tipis sebanyak 43 undi (761 lawan 718), penyokong-penyokong lawannya telah memfailkan satu saman di Mahkamah Tinggi untuk membatalkan keputusan pilihan raya tersebut. Cabaran terhadap kesahihan pilihan raya merupakan ancaman terus kepada kerjaya politik Dr. Mahathir.

- 2.9 Pada 1 Ogos 1987, Tun Salleh telah menyampaikan satu ucapan di Universiti Malaya ketika beliau dikurniakan anugerah Doktor Kehormat Undang-Undang. Ucapan inilah yang kemudian telah menjadi asas kepada dakwaan pertama terhadap beliau di hadapan Tribunal Pertama. Teks ucapan ini dipetik dengan penuh sebagai “Dokumen Ketiga” di muka surat 168 laporan Tribunal Pertama.
- 2.10 Satu ringkasan prosiding kes-kes yang difaiklan sebagai **Lim Kit Siang v United Engineers (M) Berhad** di Mahkamah Tinggi mungkin sesuai pada ketika ini kerana kes-kes tersebut telah menimbulkan kehangatan politik. Dalam kes tersebut, Plaintiff telah memfaiklan prosiding di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk satu pengisytiharan dan relif injunktif untuk menghalang satu kontrak ditandatangani dan memohon injunksi interlokutari pada kadar segera. Permohonan ini telah ditolak oleh Hakim Edgar Joseph Jr. (yang kemudiannya telah dilantik menjadi Pengerusi Tribunal Kedua) atas alasan perintah yang dipohon sebenarnya adalah injunksi terhadap pihak Kerajaan Malaysia. Penghakiman beliau dilaporkan dalam [1988] 1 MLJ 35.
- 2.11 Tidak berapa lama selepas ini, pada 25 Ogos 1987 dalam Rayuan Sivil Mahkamah Agung No. 363 tahun 1987, Mahkamah Agung telah membenarkan Injunksi Interlokutori dalam Rayuan Lim Kit Siang, seorang pemimpin Parti Pembangkang di Parlimen, untuk menghalang United Engineers (M) Berhad (UEM), dari menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Malaysia untuk pembinaan dan pengswastaan Lebuh Raya Utara Selatan. Korum yang bersidang di Mahkamah Agung adalah Tan Sri Lee Hun Hoe, Hakim Besar Borneo (No. 3 didalam hieraki badan kehakiman selepas Tun Salleh dan Tan Sri Hamid dan kemudiannya menjadi ahli Tribunal Pertama), Tan Sri Wan Suleiman dan Tan Sri Wan Hamzah, hakim-hakim Mahkamah Agung (yang telah menjadi defendant pada Tribunal Kedua). Terdapat satu laporan ringkas mengenai keputusan ini dalam (1987) 2 CLJ 195.

- 2.12 Selepas ini, satu permohonan telah dibuat oleh UEM, dan dalam prosiding yang berasingan oleh Kerajaan Malaysia, kedua-duanya untuk mengenepikan injunksi interlokutori yang diberi oleh Mahkamah Agung atas alasan bahawa ianya tidak menunjukkan sebarang kausa tindakan yang munasabah. Kedua-dua permohonan dibicarakan dihadapan Hakim V.C. George yang telah menolak kedua-dua permohonan tersebut pada 5 Oktober 1987. Beliau juga memutuskan bahawa pihak Plaintiff mempunyai *locus standi* untuk membawa kes itu dan terdapat isu-isu serius untuk dibicarakan. Penghakiman ini dilaporkan dalam [1998] 1 MLJ 50. Kes ini kemudiannya kembali dihadapan Mahkamah Agung, kali ini di hadapan lima Hakim yang terdiri daripada Tun Salleh, Ketua Hakim Negara, Abdul Hamid, Hakim Besar (Malaya), George Seah, Hashim Yeop Sani dan Abdoolcader, Hakim-hakim Mahkamah Agung, yang telah memutuskan dengan majoriti 3 lawan 2 bahawa Plaintiff, Lim Kit Siang, tidak mempunyai locus standi dengan UEM dan bahawa oleh itu Saman tersebut tidak dapat diteruskan. Penghakiman-penghakiman yang dibuat selepas penyelesaian pembicaraan pada 16 Mac 1988 dilaporkan dalam [1988] 2 MLJ 12.
- 2.13 Adalah mustahak untuk di perhatikan di sini bahawa Tun Salleh dalam kes ini telah membuat keputusan bersama majoriti menyebelahi pihak Kerajaan, bersuara menentang trend melebarkan undang-undang mengenai *locus standi* yang diajukan oleh Lord Denning dan hakim-hakim yang lain di Mahkamah Inggeris, dan di bidang kuasa-bidang kuasa yang lain yang menghargai kedaulatan undang-undang. Hakim-hakim yang menentang adalah George Seah dan Abdoolcader, Hakim-hakim Mahkamah Agung, yang mana kedua-dua mereka telah menjadi responden pada Tribunal Kedua. Penghakiman Tun Salleh dalam kes ini tidak boleh disifatkan sebagai anti-Kerajaan.
- 2.14 Pada 15 September 1987, Yang Arif Hakim Harun Hashim, pada ketika itu Hakim Mahkamah Tinggi, telah berucap di satu Seminar Undang-undang yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyeru agar pemberian terhadap Perlembagaan Persekutuan dibuat. Gesaan beliau ini mendapat maklum balas

yang serta merta daripada Dr. Mahathir, yang dilaporkan dalam surat khabar STAR sebagai berkata bahawa terdapat beberapa hakim yang mencerobohi bahagian-bahagian lain Kerajaan dan Hakim-hakim sepatutnya mengekalkan sifat berkecuali dalam politik. Beliau juga menyeru Ketua Hakim Negara menegur hakim-hakim berkenaan. Tun Salleh, ketika diminta memberi ulasan atas perkembangan ini dilaporkan dalam akhbar New Straits Times sebagai menolak memberi sebarang ulasan dan hanya berkata "*perkara terbaik untuk dibuat adalah mendiamkan diri dan membiarkan hal ini ditutup.*"

- 2.15 Pada 30 September 1987, DYMM Sultan Perak, yang merupakan Ketua Hakim Negara sebelum Tun Salleh, telah bertitah ketika majlis pelancaran buku di Universiti Malaya, menyokong hak para Hakim untuk mengulas tentang undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan di luar Mahkamah.
- 2.16 Pada 2 Oktober 1987, Dr. Mahathir telah memberikan ucapan di Kota Bharu, Kelantan, dimana beliau telah menyamakan Badan Kehakiman dengan satu lagi cawangan perkhidmatan Kerajaan seperti pihak Tentera dan Perkhidmatan Awam. Ulasan Dr Mahathir ini boleh di lihatkan sebagai mencerminkan sifat beliau yang kurang menghargai konsep perpisahan kuasa, yang menganggap Badan Kehakiman sebagai salah satu dari tiga badan utama sesebuah Negara, bebas dari campur tangan pihak eksekutif dan sebagai pelindung kedaulatan undang-undang.
- 2.17 Selepas penghakiman Hakim V.C. George dalam kes UEM pada 5 Oktober 1987, Tun Salleh sekali lagi diminta memberi ulasan oleh akhbar New Straits Times. Beliau sekali lagi mencadangkan agar perkara berkenaan dibiarkan sahaja.
- 2.18 Peristiwa penting seterusnya adalah ucapan yang dibuat oleh Dr. Mahathir di Parlimen sempena dengan bacaan Kedua, pada 3 Disember, 1987, pindaan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987. Kesan utama Rang Undang-undang tersebut adalah memperkuatkan kawalan Kerajaan terhadap

media, contohnya dengan memperuntukkan secara spesifik bahawa “*tiada pihak akan diberi peluang untuk didengar dalam mempertimbangan permohonannya untuk lesen atau permit atau berkaitan dengan penolakan atau penggantungan lesen atau permit yang diluluskan kepadanya di bawah Akta ini.*” Akta ini juga mengatakan dengan jelas bahawa “*sebarang keputusan Menteri untuk menolak memberi atau membatalkan atau menggantungkan sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh cabarkan oleh mana-mana Mahkamah atas apa juga alasan.*”

- 2.19 Rang Undang-undang ini telah muncul sebagai tindak balas serta merta kepada keputusan Yang Arif Hakim Harun Hashim dalam kes **Persatuan Aliran Kesedaran Negara v Minister of Home Affairs** di Rayuan Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. 32-53-87 (tidak dilaporkan) bertarikh 19 Disember 1987, di mana Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa budi bicara Menteri untuk menolak sesuatu permohonan untuk lesen penerbitkan satu majalah yang diterbitkan dua minggu sekali tertakluk kepada semakan kehakiman. Selanjutnya beliau juga mendapati bahawa Menteri tidak mempunyai alasan yang kukuh di dalam kes itu untuk menolak permohonan berkenaan. Rang Undang-undang tersebut juga telah mencerminkan tindak balas Menteri terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Agung yang telah dirujuk di atas.
- 2.20 Tidak lama kemudian, Tun Salleh telah menyampaikan satu lagi ucapan di Universiti Malaya kali ini ketika melancarkan buku DYMM Sultan Perak bertajuk “Law, Justice and the Judiciary: Transitional Trends [Undang-undang, Keadilan dan Badan Kehakiman: Trend-trend Peralihan]. Ucapan ini kemudian telah menjadi intipati kepada tuduhan kedua yang dihadapi beliau di hadapan Tribunal Pertama. Teks ucapan beliau dipetik sepenuhnya sebagai “Dokumen Ke-empat” di muka surat 173 dalam laporan Tribunal Pertama.
- 2.21 On 4 Februari 1988 Hakim Harun Hashim telah menyampaikan keputusan beliau dalam kes UMNO, mengisyiharkan bahawa UMNO adalah satu pertubuhan yang

tidak sah dan seterusnya membubarkan UMNO. Ini telah merupakan satu kemenangan kosong kepada pihak pencabar Dr Mahathir kerana pihak Mahkamah tidak memberi pihak pencabar relif pengisytiharan yang dipohon dan telah mengekalkan Perdama Menteri dalam kuasa walaupun tanpa parti kerana beliau terus menikmati sokongan majority ahli-ahli Parlimen. Pada 19 Februari 1988, pihak pencabar telah memfailkan satu notis rayuan menentang keputusan Mahkamah Tinggi itu. Ketegangan politik telah bertambah pada ketika itu kerana masa depan politik Perdana Menteri terkatung-katung dan bergantung kepada keputusan Mahkamah Agung. Keputusan ini dilaporkan dalam [1988] 2 MLJ 129.

- 2.22 Pada 9 Mac 1988 satu lagi keputusan yang menyebelahi pihak Kerajaan telah disampaikan dalam kes **Karpal Singh v Ministry of Home Affairs** yang dilaporkan dalam [1988] 1 CLJ 197. Kes ini melibatkan seorang lagi tokoh pembangkang, En. Karpal Singh, yang telah ditahan tanpa pembicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Kes ini melibatkan satu permohonan *habeas corpus* oleh Karpal Singh. Hakim Peh Swee Chin telah membenarkan permohonan untuk *habeas corpus* dan memerintahkan supaya Karpal Singh dibebaskan dan dilepaskan dari tahanan dengan serta merta.
- 2.23 Pada 18 Mei 1988, Dr. Mahathir telah menyampaikan satu lagi ucapan di Parlimen ketika membentangkan Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan di mana beliau sekali lagi menyerang badan kehakiman. Pindaan yang dibuat terhadap Perkara 121 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 juga telah memberi kesan yang besar terhadap kuasa dan status badan kehakiman dan perlu diterangkan dengan sedikit mendalam. Ucapan Dr. Mahathir pada kali ini telah merangkumi yang berikut:-  
“... untuk mencapai keseimbangan Negara memerlukan perkhidmatan awam dan badan kehakiman yang tidak melibatkan dirinya dalam politik..... tetapi malangnya baru-baru ini kita dapati ada kalanya beberapa ahli badan kehakiman yang terlibat dalam politik....dengan memiliki sifat yang diistilahkan sebagai “kebebasan yang amat sangat” ahli-ahli ini secara tidak langsungnya terlibat dengan “politik pembangkang”. Dan untuk menunjukkan kebebasan mereka

yang amat sangat tersebut, mereka seringkali akan membuat apa-apa saja untuk memberi keputusan menyebelahi mereka yang mencabar pihak Kerajaan.”

Laporan penuh ucapan beliau diterbitkan dalam akhbar New Straits Times bertarikh 18 Mac 1988.

2.24 Sebelum pindaan dibuat, Artikel pertama di bawah Bahagian IX Perlembagaan di bawah tajuk BADAN KEHAKIMAN dibaca seperti yang berikut:

“121 (1) Tertakluk kepada klausa (2), kuasa kehakiman Persekutuan akan terletak pada dua Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa yang setara dan status, iaitu:

- (a) satu di Negeri-negeri Malaya yang akan dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya; dan
- (b) satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang akan dikenali sebagai Mahkamah Tinggi Borneo...;

Dan di Mahkamah-Mahkamah rendah sepertimana diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan.”

2.25 Selepas enakmen Akta Pindaan, bahagian-bahagian yang berkenaan daripada Perkara satu dibaca seperti berikut:

121 (1) Terdapat dua Mahkamah Tinggi yang bersamaan bidang kuasa dan statusnya, iaitu:

- (a) satu di Negeri-negeri Malaya yang akan dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya; dan
- (b) satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang akan dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak...;

Dan di Mahkamah-Mahkamah rendah sepertimana diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan; dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan Rendah akan memiliki bidang kuasa dan kuasa sepertimana diberi oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan.

(1A) Mahkamah yang dirujuk dalam klausa (1) tidak mempunyai bidang kuasa bagi apa-apa perkara yang berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.”

2.26 Dr. Rais Yatim (kini Menteri Luar Negara Malaysia) dalam buku beliau bertajuk “Freedom under Executive Power [Kebebasan di bawah Kuasa Eksekutif]” pada muka surat 104 telah memberi ulasan mengenai pindaan ini seperti berikut:

“Adalah mustahak untuk di perhatikan bahawa pindaan ini telah dibuat semasa krisis Kehakiman pada tahun 1988. Tujuan nyata di pihak Kerajaan adalah untuk menghadkan kuasa badan kehakiman hanya kepada undang-undang Persekutuan seperti yang dibuat oleh Parlimen dari masa

ke semasa. Dengan cara ini prinsip-prinsip common law seperti peraturan-peraturan keadilan sejagat (“rules of natural justice”), yang mana Perdana Menteri asyik mengkritikkannya sebagai tidak konsisten dengan cara kehidupan di Malaysia, tidak boleh dipakai dengan bebas oleh Mahkamah.”

- 2.27 Pindaan perlombagaan ini padan dengan pola umum tindakan pihak eksekutif untuk memperkecilkan peranan badan kehakiman sebagai pelindung kedaulatan undang-undang. Yang ironiknya ialah pindaan ini dibuat lebih kurang pada masa yang sama Tun Salleh menerima pandangan pihak Kerajaan dalam kes-kes yang dirujuk di atas.
- 2.28 Susulan kepada peranan utama yang diambil oleh Yang Arif Hakim Abdul Razak, Tun Salleh telah memanggil satu mesyuarat kesemua Hakim Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi yang menetap di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah diadakan pada 25 Mac 1988. Mesyuarat tersebut telah membincangkan serangan bertubi-tubi Perdana Menteri ke atas badan kehakiman dan apakah tindakan yang dapat dilaksanakan untuk mengekalkan peranan dan kebebasan badan kehakiman. Persetujuan telah dicapai bahawa satu surat seharusnya diutuskan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong yang akan menyatakan keimbangan badan kehakiman mengenai kritikan sewenang-wenangnya yang dibuat terhadapnya. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Tan Sri Dato' Abdul Hamid yang kemudian telah mempengerusikan Tribunal Pertama. Tan Sri Hamid atau mana-mana hakim lain yang hadir di mesyuarat itu tidak menyuarakan pandangan yang bertentangan berkenaan cadangan di atas. Oleh itu, mesyuarat tersebut telah bersetuju bahawa Tun Salleh selaku Ketua Badan Kehakiman seharusnya mengutuskan surat berkenaan, tetapi sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Tan Sri Azmi, Tan Sri Wan Hamzah (Kedua-dua mereka menjadi defendan di Tribunal Kedua) dan Hakim Abdul Razak hendaklah membantu dalam menyediakan surat. Hanya seorang Hakim sahaja, yakni Tan Sri Hashim Yeop Sani yang telah menasihatkan supaya berhati-hati tetapi beliau tidak diperlihatkan menentang keputusan itu. Tan Sri Lee Hun Hoe yang kemudian telah menjadi ahli Tribunal Pertama tidak menghadiri mesyuarat itu.

- 2.29 Justeru itu, surat tersebut telah dikirim oleh Tun Salleh kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada Raja-Raja Melayu pada 26 Mac 1988. Terjemahan Bahasa Inggeris surat tersebut yang asalnya ditulis dalam Bahasa Malaysia disertakan sebagai Lampiran 2 pada muka surat 112 Nota Prosiding Tribunal Pertama. Pengutusan surat ini oleh Tun Salleh menjadi intipati tuduhan keempat terhadap beliau.
- 2.30 Dua hari kemudian pada 28 Mac 1988, Tun Salleh telah berangkat ke luar negara bagi tempoh yang lama yang melibatkan rawatan perubatan dan menjalankan umrah di tanah suci Mekkah. Beliau telah pulang pada 17 Mei 1988.
- 2.31 Pada 1 Mei 1988, Perdana Menteri telah mengadap DYMM Yang di-Pertuan Agong. Dalam surat beliau bertarikh 5 Mei 1988, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa di perjumpaan pada 1 Mei 1988, DYMM Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan Perdana Menteri mengambil tidakan terhadap Tun Salleh, dengan itu memberi tanggapan bahawa Perdana Menteri hanya menurut titah perintah DYMM Yang di-Pertuan Agong. Surat bertarikh 5 Mei 1988 ada di muka surat 113 Laporan Tribunal Pertama.
- 2.32 Setelah kembali dari luar negara, pada 23 Mei 1988 Tun Salleh, bertindak selaku Ketua Hakim Negara telah menetapkan rayuan kes UMNO di Mahkamah Agung pada 13 Jun 1988 dan telah mengarahkan agar rayuan itu dibicarakan di hadapan korum seramai sembilan Hakim Mahkamah Agung. Pada masa yang lalu, Mahkamah Agung biasanya bersidang dengan korum seramai tiga hakim dan pada beberapa kali dengan korum seramai lima hakim. Sebelum ini tidak terdapat situasi bagi Mahkamah Agung bersidang dengan korum yang lebih tinggi daripada lima. Pada ketika itu terdapat sepuluh orang hakim Mahkamah Agung tetapi salah seorang daripada mereka, (Hakim Harun Hashim) telah menjadi hakim bagi pembicaraan kes UMNO di tahap Mahkamah Tinggi dan jelas beliau tidak layak untuk mendengar kes rayuan ini. Maka arahan bagi sembilan hakim

- bermakna bahawa kesemua hakim Mahkamah Agung yang layak akan dikehendaki bersidang.
- 2.33 Dengan masa depan Dr. Mahathir terkatung-katung, adalah mudah difahami bahawa pemilihan hakim untuk bersidang bagi rayuan ini mungkin telah menjadi perkara yang membimbangkan kepada Dr. Mahathir. Isu ini telah dapat dielak dengan memastikan kesemua hakim Mahkamah Agung bersidang untuk membicarakan kes tersebut. Meletakkan satu panel yang terdiri daripada tiga atau lima hakim mungkin melibatkan unsur-unsur pemilihan, dan ini mungkin dilihat sebagai mencondongkan keseimbangan panel tersebut ke satu arah atau arah yang lain. Oleh itu, keputusan Tun Salleh untuk mengadakan satu panel yang merangkumi kesemua sembilan hakim atau Mahkamah yang penuh untuk membicarakan kes tersebut tidak boleh dilihat sebagai bukti berat sebelah anti-UMNO atau anti-Mahathir. Bahkan ini adalah arahan yang paling wajar yang boleh diarahkan oleh Tun Salleh dalam keadaan sedemikian, untuk mengurangkan sebarang kebimbangan berat sebelah dalam pembentukan panel. Pada hari yang sama Tun Salleh telah memberi arahan untuk rayuan pihak Kerajaan dalam kes *habeas corpus* Karpal Singh ditetapkan untuk pendengaran pada 15 Jun. Dari saat ini semua peristiwa berkenaan berjalan sepantas kilat. Dalam keadaan yang sedemikian, adalah adil untuk menganggap bahawa arahan Tun Salleh untuk menetapkan tarikh dan korum kes rayuan UMNO telah menyebabkan pemecutan peristiwa-peristiwa itu.
- 2.34 Pada 25 Mei 1988, Perdana Menteri telah mengutus surat kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong dan mengatakan bahawa “*atas alasan bahawa kelakuan [Tun Salleh] dan sebab-sebab lain yang jelas menunjukkan bahawa beliau tidak lagi berupaya menjalankan dan fungsi beliau selaku Ketua Hakim Negara dengan sewajarnya seperti yang diuraikan dalam lampiran A, beliau seharusnya disingkirkan dari jawatannya.*” Lampiran A kepada surat tersebut mengandungi dakwaan-dakwaan yang telah membentuk empat tuduhan pertama di hadapan Tribunal Pertama, khususnya ucapan Tun Sallah pada 1 Ogos 1987, ucapan Tun

Salleh pada 12 January 1988, penangguhan kes **Teoh Eng Huat v Kadhi Pasir Mas** yang melibatkan pilihan agama seorang di bawah umur, dan surat Tun Salleh kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong bertarikh 26 Mac 1988. Surat tersebut seterusnya menasihatkan DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk menggantungkan perkhidmatan Tun Salleh di bawah Perkara 125(5) mulai dari hari yang berikut sementara menunggu penubuhan sebuah Tribunal di bawah Perkara 125(3) dalam Perlembagaan Persekutuan. Surat bertarikh 25 Mei 1988 daripada Perdana Menteri kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong adalah lampiran 4 pada muka surat 114 dalam Laporan Tribunal Pertama.

- 2.35 Pada hari yang sama, DYMM Yang di-Pertuan Agong membalas surat Perdana Menteri dan bersetuju menubuhkan sebuah Tribunal dan menitahkan penggantungan perkhidmatan Tun Salleh bermula dari 26 Mei. Surat tersebut menyebut bahawa perlantikan Tribunal dibuat di bawah Perkara 125(3) dan penggantungan diarahkan di bawah Perkara 125(5) Perlembagaan Persekutuan. Surat daripada DYMM Yang di-Pertuan Agong kepada Perdana Menteri adalah lampiran 5 di muka surat 115 dalam Laporan Tribunal Pertama.

Nasihat Perdana Menteri kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong yang terkandung di dalam surat beliau bertarikh 25 Mei 1988, untuk menggantungkan Ketua Hakim Negara Tun Salleh dengan serta merta mulai dari 26 Mei 1988 di bawah Perkara 125(5), sejurus selepas arahan Ketua Hakim Negara Tun Salleh yang diberi pada 23 Mei 1988 untuk pendengaran kes rayuan UMNO oleh koram penuh Mahkamah Agung pada 13 Jun 1988 adalah bukti kukuh terdapat unsur-unsur malafides.

- 2.36 Pada 27 Mei, Tun Salleh telah diminta berjumpa dengan Perdana Menteri yang telah memberitahu beliau tentang perasaan kurang senang DYMM Yang di-Pertuan Agong mengenai surat Tun Salleh dan penggantungan beliau dari jawatan serta penubuhan sebuah Tribunal. Pada hari yang sama jam 11.45 pagi (sama ada

sebelum atau selepas perjumpaan dengan Perdana Menteri, tidak jelas) Tun Salleh telah menerima surat rasmi memberitahu beliau tentang penggantungannya.

- 2.37 Pada hari yang sama, Tan Sri Hamid Omar, selaku pemangku Ketua Hakim Negara telah membatalkan perlantikan panel hakim untuk pembicaraan kes-kes rayuan UMNO dan Karpal Singh dan melapangkan tarikh-tarikh berkenaan. Tan Sri Hamid Omar telah tidak membuang masa dalam mengambil langkah ini. Fakta ini mengesahkan lagi kesimpulan lojik yang dinyatakan di atas tentang kehadiran unsur malafides.
- 2.38 Pada 28 May 1988, Tun Salleh telah menulis surat kepada Perdana Menteri dan mengatakan bahawa “untuk mengelakkan rasa malu di semua pihak, saya telah mempertimbangkan hal ini dan telah membuat keputusan bahawa adalah lebih baik demi kepentingan negara bagi saya bersara dengan segera setelah mengambil semua cuti yang ada bagi saya; iaitu 96 hari dan cuti itu hendaklah bermula dari hari hari ini”. (Lampiran 6 di muka surat 116 dalam Laporan Tribunal Pertama). Perdana Menteri telah balas pada hari yang sama dan mengatakan bahawa “saya tidak mempunyai sebarang halangan bagi YAA mengambil semua cuti yang ada untuk YAA sebelum bersara. Berkaitan dengan persaraan YAA dari jawatan Ketua Hakim Negara, tindakan sewajarnya akan diambil mengikut prosedur yang sedang diamalkan ...” (Lampiran 7 di muka surat 117 dalam Laporan Tribunal Pertama).
- 2.39 Walau bagaimanapun, Tun Salleh nampaknya telah berfikir dua kali berkenaan tindakan persaraan ini dan pada keesokan hari beliau mengutus surat sekali lagi kepada Perdana Menteri menarik balik permohonanya untuk bersara awal. Dalam surat ini (Lampiran 8 di muka surat 118 dan 119 dalam Laporan Tribunal Pertama) Tun Salleh telah menyebut bahawa dalam perjumpaannya dengan Perdana Menteri dua hari yang lepas, Perdana Menteri telah memberitahunya bahawa kelakuan yang dianggap sangat tidak menyenangkan adalah surat beliau kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu dan beliau telah

menyuarkan pendirian berat sebelah dalam kes UMNO. Beliau kemudian menerangkan sebab-sebab beliau bertukar fikiran dalam hal persaraannya.

- 2.40 Penukaran fikiran itu kemudian dipetik sebagai bahagian pertama tuduhan kelima terhadap Tun Salleh (lihat muka surat 77 Laporan Tribunal pertama) atas dasar ini telah menunjukkan ketidakupayaan beliau untuk membuat sesuatu keputusan yang kukuh dan oleh itu tidak layak menjadi hakim. Pada hakikatnya, penukaran fikiran oleh Tun Salleh dan pengambilan pendirian yang lebih tegas sebenarnya menunjukkan kekuatan perwatakan beliau. Walau apapun, penarikan semula tawaran untuk bersara awal sebelum tarikh ia berkuatkuasa adalah tidak relevan berkaitan dengan tuduhan untuk penyingkir kerana ia tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang.
- 2.41 Surat ini juga mengesahkan bahawa Ketua Setiausaha Kerajaan, Tan Sri Sallehuddin Muhammed, yang juga merupakan seorang saksi di Tribunal Pertama, telah hadir di perjumpaan antara Perdana Menteri dengan Tun Salleh pada 27 Mei. Ketika memberi keterangan, Tan Sri Sallehuddin memberi jawapan yang samar-samar berkenaan sama ada kes UMNO telah disebut pada perjumpaan itu, mengatakan sebanyak dua kali bahawa beliau tidak ingat (lihat muka surat 191 dan 192 Laporan Tribunal Pertama). Walau bagaimanapun, fakta bahawa Tun Salleh telah membangkitkan hal ini dalam surat beliau bertarikh 29 Mei (hanya dua hari selepas perjumpaan itu) dan fakta bahawa Ketua Setiausaha tidak dapat menafikan kenyataan itu membayangkan bahawa kes rayuan UMNO tersebut telah sebenarnya dibincangkan didalam perjumpaan itu. Walau bagaimanapun, untuk sebab-sebab yang jelas, tiada tuduhan dibuat terhadap Tun Salleh atas dakwaan berat sebelah dalam kes UMNO.
- 2.42 Pada hari yang sama, 29 Mei 1988 Tun Salleh telah memberi satu wawancara kepada pihak BBC di mana beliau telah mengatakan bahawa beliau telah disingkirkan dari jawatan secara tidak adil dan salah satu dari sebab-sebab ialah tuduhan bersikap berat sebelah dalam kes UMNO. Laporan wawancara itu telah

diterbitkan dalam Singapore Straits Times bertarikh 31 Mei (lihat Lampiran 10 di muka surat 123 dalam Laporan Tribunal Pertama). Wawancara ini telah menjadi subjek bahagian kedua tuduhan ke-lima terhadap Tun Salleh di hadapan Tribunal Pertama (lihat muka surat 78 Laporan Tribunal Pertama).

- 2.43 Pada hari yang sama Tun Salleh telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang telah dilaporkan dalam akhbar New Straits Times bertarikh 30 Mei 1988 (lihat Lampiran 9 di muka surat 120 dalam Laporan Tribunal Pertama). Dalam kenyataan ini beliau menerangkan sebab-sebab bagi penarikan balik surat beliau untuk bersara awal. Mengenai hal dakwaan beliau bersikap berat sebelah dalam kes UMNO, beliau mendedahkan bahawa beliau telah memberi arahan supaya rayuan itu dibicarakan oleh panel seramai sembilan hakim Mahkamah Agung.
- 2.44 Pada 3 dan 4 Jun 1988, akhbar New Straits Times mengandungi dua lagi laporan yang melaporkan kenyataan seterusnya yang dibuat oleh Tun Salleh, di mana beliau telah mengulas bahawa Tribunal berkenaan seharusnya terdiri daripada orang-orang yang sekurang-kurangnya sama taraf kelayakan kehakiman dan bahawa pembicaraan seharusnya dijalankan secara terbuka. Laporan-laporan ini terdapat di Appendix 3 dan 4, lampiran 1 di muka surat 225 dan 228 dalam laporan Tribunal Pertama. Kandungan laporan-laporan ini menjadi bahagian ketiga dan terakhir bagi tuduhan ke-lima yang dibuat terhadap Tun Salleh di hadapan Tribunal Pertama (lihat muka surat 78 dalam Laporan Tribunal Pertama).
- 2.45 Pada 9 Jun 1988, Perdana Menteri sekali lagi mengutus surat kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong membuat cadangan bagi sebuah Tribunal ditubuhkan untuk menyingkirkan Tun Salleh atas dasar butir-butir yang terkandung dalam lampiran yang disertakan. Lampiran itu mengandungi butir-butir pertuduhan-pertuduhan yang kemudian telah menjadi tuduhan ke-lima di hadapan Tribunal Pertama. Surat ini terdapat di Lampiran 13 di muka surat 130 dalam laporan Tribunal Pertama. Pada hari yang sama DYMM Yang di-Pertuan Agong telah menulis surat yang bersetuju dengan pertuduhan-pertuduhan dalam lampiran

dikemukakan kepada Tribunal Pertama (Lampiran 14 di muka surat 131 Laporan Tribunal Pertama).

- 2.46 Pada 11 Jun 1988, Perdana Menteri menulis kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong menamakan enam orang yang beliau cadangkan seharusnya membentuk Tribunal itu (Lampiran 16 di muka surat 132 dalam Laporan Tribunal Pertama). Ke-enam orang ini adalah:

1. Tan Sri Dato' Abdul Hamid Omar  
Hakim Besar (Malaya) dan pemangku Ketua Hakim Negara ..... Pengerusi
2. Tan Sri Datuk Lee Hun Hoe  
Hakim Besar (Borneo) ..... Ahli
3. Mr. Justice KAP Ranasinjhe  
Ketua Hakim Negara Sri Lanka ..... Ahli
4. Mr. Justice T.S Sinnathuray  
Hakim Mahkamah Tinggi, Singapore ..... Ahli
5. Tan Sri Abdul Aziz bin Zain  
Hakim Mahkamah Persekutuan yang bersara ..... Ahli
6. Tan Sri Datuk Mohd. Zahir bin Ismail  
Hakim Mahkamah Tinggi yang bersara ..... Ahli

Pada hari yang sama DYMM Yang di-Pertuan Agong telah membalas surat Perdana Menteri dengan secara rasminya melantik enam orang yang dicalunkan oleh Perdana Menteri untuk membentuk Tribunal Pertama.

- 2.47 Pada 14 Jun Tun Salleh telah diserahkan dengan sesalinan tuduhan terhadap beliau, dan pada 17 Jun, Setiausaha kepada Tribunal Pertama telah menulis surat kepada Tun Salleh untuk memberitahu beliau bahawa pembicaraan akan bermula pada 27 Jun 1988.
- 2.48 Daripada enam orang itu, Tun Salleh kemudian membuat bantahan terhadap perlantikan Tan Sri Hamid, Tan Sri Abdul Aziz Zain dan Tan Sri Datuk Mohd Zahir. Bantahan ini dihuraikan dalam surat bertarikh 21 Jun 1988 (Lampiran 17 di muka surat 135 dalam Laporan Tribunal Pertama).
- 2.49 Pada 24 Jun 1988, satu perjumpaan telah diadakan oleh Raja-raja Melayu yang mana mereka telah bersetuju untuk memanggil Tun Salleh ke satu mesyuarat di Istana Kelantan di Kuala Lumpur. Ini jelas adalah susulan dari surat bertarikh 26 Mac 1988. (Lihat Lampiran 1 di muka surat 112 dalam Laporan Tribunal Pertama). Pada tahap ini adalah wajar untuk memerhatikan kedudukan perlembagaan.
- 2.50 Persidangan Raja-Raja yang ditubuhkan di bawah Perkara 38 Jadual Kelima dalam Persekutuan terdiri daripada Ketua-ketua tiga belas Negeri; sembilan daripadanya diketuai Raja-Raja atau Sultan; dan yang empat lagi diketuai Gabenor yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. DYMM Yang di-Pertuan Agong dilantik atas dasar bergiliran antara ke-sembilan Sultan selama tempoh lima tahun. DYMM Yang di-Pertuan Agong pada masa itu adalah Sultan Negeri Johor. Persidangan Raja-Raja itu sendiri mempunyai peranan perlembagaan, antara lain, dalam perlantikan para hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di bawah Perkara 12B. Di bawah Artikel itu para hakim dilantik:

“oleh Yang di-Pertuan Agong, bertindak atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Persidangan Raja-Raja.”

Walaupun boleh dikatakan bahawa di bawah Perlembagaan, Persidangan Raja-Raja tidak mempunyai peranan yang khusus berkenaan penyingkiran para Hakim, namun penglibatan mereka dalam proses perlantikan Hakim menunjukkan bahawa mereka bukan orang asing dalam sistem ini.

- 2.51 Adalah mudah difahami bahawa Sultan-Sultan dari pelbagai Negeri yang telah menerima salinan surat bertarikh 26 Mac 1988 daripada Tun Salleh mungkin berasa bimbang dengan perkembangan seterusnya. Ini dapat menjelaskan mengapa Sultan-Sultan telah berjumpa atas inisiatif sendiri dan bersetuju memanggil Tun Salleh dalam percubaan mencari jalan penyelesaian bagi krisis itu. Nampaknya DYMM Yang di-Pertuan Agong telah hadir di perjumpaan itu tetapi telah berangkat pulang sebelum ketibaan Tun Salleh. Apabila tiba, Tun Salleh diberitahu bahawa Raja-Raja telah bersetuju bahawa penggantungan Tun Salleh akan ditarik dan beliau akan dikembalikan ke jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara sekiranya Tun Salleh meminta maaf kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong, yang mana beliau bersetuju. Besar kemungkinan bahawa DYMM Yang di-Pertuan Agong mengetahui tentang tawaran yang dibuat oleh Raja-Raja sebelum Baginda berangkat pulang untuk membolehkan Raja-Raja membuat cadangan ini kepada Tun Salleh.
- 2.52 Maka, Tun Salleh segera membalaik gerak isyarat ini dengan berangkat ke Johor Bahru pada 27 Jun 1988 untuk mengadap DYMM Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai perjumpaan ini jelas telah diberi terlebih dahulu kepada pihak eksekutif kerana Tun Salleh mendapati bahawa Peguam Negara dan Ketua Setiausaha Negara telahpun tiba sebelum kehadirannya. DYMM Yang di-Pertuan Agong kemudian memberitahu Tun Salleh bahawa Tribunal itu akan meneruskan tugasnya kerana terdapat tuduhan-tuduhan lain terhadap beliau disamping kandungan surat berkenaan. Maka percubaan Raja-Raja untuk menyelesaikan hal ini telah digagalkan.

2.53 Dua hari kemudian pada 29 Jun 1988, Tribunal Pertama telah memulakan pendengaran. Prosiding telah selesai pada 4.09 petang pada 30 Jun 1988. Laporanya kemudian disampaikan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong pada 7 Julai 1988 dan bertindak mengikut Laporan itu, DYMM Yang di-Pertuan Agong telah menyingkirkan Tun Salleh sebagai Ketua Hakim Negara.

### **Peristiwa-Peristiwa yang membawa kepada Tribunal Kedua**

- 2.54 Kelemahan-kelemahan yang menyelubungi keahlian, perbincangan dan penemuan Tribunal Pertama kemudian dijadikan lebih buruk oleh Tribunal Kedua (“Tribunal Kedua”) yang ditubuhkan untuk membicarakan tuduhan-tuduhan salah laku terhadap lima orang Hakim Mahkamah Agong yang menganggotai korum yang telah memberlakukan perintah penggantungan terhad pada 2 Julai 1988 yang menahan Tribunal Pertama dari mengemukakan Laporanya sehingga perintah seterusnya. Sepertimana dengan Tribunal Pertama, adalah penting untuk memahami peristiwa-peristiwa yang membawa kepada penubuhan Tribunal Kedua untuk memahami sepenuhnya kelemahan Tribunal itu.
- 2.55 Pada 21 Jun 1988, sebelum pembicaraan Tribunal Pertama dimulakan, peguamcara bagi pihak Tun Salleh telah menulis surat kepada Setiausaha Tribunal Pertama menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka atas komposisi Tribunal Pertama. Surat ini adalah Lampiran 17 di muka surat 135 laporan Tribunal Pertama. Bantahan-bantahan mereka ditujukan khusus kepada:
- (a) Tan Sri Abdul Hamid Omar atas alasan beliau berpangkat lebih rendah dan juga atas alasan konflik kepentingan;
  - (b) Tan Sri Lee Hun Hoe atas alasan beliau berpangkat lebih rendah;
  - (c) Tan Sri Mohd Zahir atas alasan perlantikan beliau tidak sesuai di bawah doktrin pemisahan kuasa kerana jawatannya sebagai Speaker Dewan Rakyat; and
  - (d) Tan Sri Abdul Aziz atas alasan perlantikannya tidak wajar kerana beliau menjalankan perniagaan dan seterusnya memiliki Sijil Amalan Guaman sebagai Peguambela dan Peguamcara.

- 2.56 Pada pagi 28 Jun 1988 tiada maklum balas diberikan kepada peguamcara Tun Salleh kepada surat yang membantah komposisi Tribunal itu dan Tribunal Pertama dijangka memulakan pembicaraan pada 29 Jun 1988. Maka, Tun Salleh membuat keputusan untuk memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi bagi memperolehi Perintah Penggantungan prosiding untuk menahan Tribunal Pertama dari meneruskan siasatan dan mengemukakan laporan dan cadangannya. Prosiding ini telah difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan ditetapkan untuk pembicaraan pada 1 Julai 1988.
- 2.57 Pada 29 Jun 1988, peguambela Tun Salleh hadir di hadapan Tribunal Pertama untuk memberitahu mereka tentang pemfailan prosiding penggantungan di Mahkamah Tinggi itu dan untuk meminta penangguhan prosiding di hadapan Tribunal sementara menunggu pembicaraan permohonan di Mahkamah Tinggi itu. Permintaan ini ditolak, dan Tribunal Pertama menangguhkan persidangan pada hari itu dengan mengatakan bahawa prosiding akan diteruskan, kalau perlu, tanpa kehadiran Tun Salleh.
- 2.58 Pada 30 Jun 1988, peguambela Tun Salleh sekali lagi hadir di hadapan Tribunal Pertama untuk memberitahu bahawa Tun Salleh tidak akan hadir di depan Tribunal. Peguam Tun Salleh mungkin menyedari fakta bahawa keterangan dan hujahan di hadapan Tribunal Pertama telah selesai pada lewat petang hari yang sama dan oleh itu terdapat risiko yang nyata bahawa Tribunal Pertama akan menamatkan urusannya dengan mengeluarkan laporan dan cadangannya sejurus selepas itu, sebelum sebarang Perintah penggantungan diperolehi melalui prosiding di Mahkamah Tinggi.
- 2.59 Oleh itu pada keesokan harinya, iaitu Jumaat 1 Julai 1988 ketika prosiding Mahkamah Tinggi dijangka bermula Datuk George Seah berlepas ke Kota Bharu, Kelantan bersama Dato' Harun Hashim untuk persidangan Mahkamah Agung yang dijadualkan yang akan bermula pada hari Sabtu 2 Julai 1988. Hakim yang dijadualkan untuk mengetuai sesi di Kota Bharu adalah Tan Sri Wan Suleiman.

- 2.60 Pada petang hari yang sama, Datuk George Seah di Kota Bharu, telah menerima panggilan telefon daripada Tan Sri Wan Suleiman meminta beliau pulang ke Kuala Lumpur sekiranya ada keperluan mengadakan persidang segera Mahkamah Agung dan meminta beliau meminta Dato' Harun Hashim juga berbuat demikian. Adalah jelas apabila beliau diberitahu tentang perkara ini, Dato' Harun Hashim berada dalam keadaan serba salah, dan oleh itu telah menghubungi Pemangku Ketua Hakim Negara Tan Sri Hamid Omar yang telah mengarahkan beliau untuk terus tinggal di Kota Bharu dan memberitahu Datuk George Seah juga untuk terus tinggal di Kota Bharu dan mengetuai sesi Mahkamah Agung. Disebabkan Tan Sri Wan Suleiman telahpun memutuskan untuk terus tinggal di Kuala Lumpur, hanya akan terdapat dua hakim Mahkamah Agung sahaja di Kota Bharu sekiranya Datuk George Seah terus tinggal sedangkan korum yang dikehendaki adalah sekurang-kurangnya tiga hakim.
- 2.61 Datuk George Seah pada ketika ini telah berdepan dengan dua arahan yang bertentangan:
- (a) daripada Tan Sri Wan Suleiman, untuk pulang ke Kuala Lumpur segera dan sedia menunggu sesi Mahkamah Agung yang mungkin diadakan;
  - (b) daripada Tan Sri Hamid Omar, untuk tinggal di Kota Bharu dan mengetuai sesi Mahkamah Agung di situ.
- 2.62 Berdepan dengan arahan bertentangan yang sama, Dato' Harun Hashim telah memutuskan untuk tinggal di Kota Bharu, sementara Datuk George Seah memutuskan untuk pulang ke Kuala Lumpur.
- 2.63 Sementara itu, prosiding Mahkamah Tinggi bermula pada hari yang sama, 1 Julai, tetapi tidak berjalan dengan lancar seperti mana yang diharapkan. Pada pagi itu, Hakim yang bersidang, Hakim Ajaib Singh, menangguhkan kes ke sebelah petang dan di sebelah petang menangguhkan kes pada pukul 3.45 petang ke 2 Julai, jam 10.00 pagi. Pada 2 Julai, pembicaraan bersambung pada jam 11.45 pagi tetapi di

sekitar 12.00 tengah hari, kes ditunda ke Isnin 4 Julai, dengan alasan bahawa penangguhan adalah untuk membolehkan Peguam Negara menjelaskan beberapa perkara. Pada ketika ini peguambela Tun Salleh membuat permohonan lisan untuk perintah penggantungan yang terhad hingga 4 Julai tetapi permohonan ini telah ditolak (lihat perenggan 5.13 dalam Laporan Tribunal Kedua).

- 2.64 Ketika prosiding Mahkamah Tinggi ditangguhkan pada tengah hari, Sabtu 2 Julai, peguambela Tun Salleh pastinya bimbang dan sedar akan kemungkinan bahawa pada atau sebelum Isnin 4 Julai, Tribunal Pertama akan sudah bersedia untuk membuat Laporan dan cadangan kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong, dengan itu mengakibatkan prosiding Mahkamah Tinggi berkenaan “infructuous” dan sia-sia belaka.
- 2.65 Selepas penangguhan prosiding Mahkamah Tinggi, peguambela Tun Salleh telah pergi terus ke kamar Tan Sri Wan Suleiman, dimana beliau bertindak di bawah seksyen 9 (1) Akta Mahkamah Kehakiman seterusnya memanggil satu persidangan khas Mahkamah Agung pada kadar segera untuk mempertimbangkan permohonan Tun Salleh bagi satu perintah untuk mengekalkan status quo. Bahagian seksyen 9(1) yang relevan menyatakan seperti yang berikut:

“Whenever during any period, owing to illness or absence from Malaysia or any other cause the Lord President is unable to exercise the powers or perform the duties of his office (including his functions under the Constitution) the powers shall be had and may be exercised and the duties shall be performed by the judge of the Supreme Court having precedence next after him who is present in Malaysia and able to act.”

- 2.66 Persidangan khas Mahkamah Agung dengan korum yang terdiri daripada kelima-lima defendan di hadapan Tribunal Kedua dengan Tan Sri Wan Suleiman sebagai pengerusi, bermula pada jam 12.50 tengah hari dan selepas pembicaraan selama 30 minit dan penangguhan singkat untuk berbincang, sebulat suara telah membenarkan permohonan untuk penggantungan terhad yang menahan Tribunal Pertama dari mengemukakan Laporan, cadangan dan nasihatnya kepada DYMM

Yang di-Pertuan Agong sehingga perintah seterusnya (lihat perenggan 5.13 dalam Laporan Trbunal Kedua).

- 2.67 Selepas perintah dibuat, Tan Sri Wan Suleiman sendiri menandatangani perintah itu kerana Ketua Pendaftar telah memberitahu beliau bahawa kakitangan Pejabat Pendaftaran telah diberi arahan oleh Pemangku Ketua Hakim Negara supaya jangan terlibat dalam prosiding itu. Cop mohor Mahkamah kemudian dimeterai oleh Penolong Kanan Pendaftar, Puan Soo Ai Lin (kini Hakim Mahkamah Sesyen).
- 2.68 Pada peringkat ini, ahli-ahli Tribunal Pertama tidak ditahan dari meneruskan perbincangan mereka tetapi hanya ditahan dari mengemukakan laporan dan cadangan mereka. Penggantungan itu berkuatkuasa “sehingga perintah seterusnya”.
- 2.69 Pada 5 Julai Pemangku Ketua Hakim Negara Tan Sri Hamid Omar telah berunding dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir (lihat perenggan 1.1 Laporan Tribunal Kedua). Selepas rundingan itu, Tan Sri Hamid Omar telah merujuk kepada Perlembagaan dan kemudian membuat cadangan secara bertulis kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong mengadu tentang salah laku yang melampau terhadap ke-lima-lima hakim yang menganggotai korum bagi pembicaraan pada 2 Julai, yang mana pada pendapatnya memberikan alasan yang kukuh untuk penyingkirkan mereka. Cadangan ini dibuat mengikut Perkara 125(3) di bawah Perlembagaan Persekutuan. Tuduhan-tuduhan spesifik terhadap ke-lima-lima Responden itu dihuraikan dalam Appendix A kepada surat Tan Sri Hamid (lihat perenggan 1.5 dalam Laporan Tribunal Kedua). Pada hari yang sama Perdana Menteri menulis surat kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap cadangan yang dibuat oleh Tan Sri Hamid.

- 2.70 Pada hari yang sama, DYMM Yang di-Pertuan Agong menitahkan supaya satu lagi Tribunal ditubuhkan untuk menyiasat cadangan yang dibuat dan melaporkan kepada Baginda mengikut peruntukan Perkara 125(3). Surat itu juga mendarahkan penggantungan ke-lima-lima hakim dari jawatan mereka, yang merupakan pihak Defendan di hadapan Tribunal Kedua, mulai dari 6 Julai 1988 mengikut peruntukan Perkara 125(5).
- 2.71 Pada 7 Julai, Tribunal Pertama telah mengemukakan laporannya kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong. Pada masa laporan Tribunal Pertama dikemukakan, perintah Mahkamah Agung bertarikh 2 Julai masih berkuatkuasa. Penggantungan ke-lima-lima hakim itu mulai dari 6 Julai 1988 tidak mengubahkan kedudukan atau keberkesanan perintah Mahkamah itu.
- 2.72 Pada 14 Julai 1988 satu Usul telah difaiklan oleh Peguam Negara bagi pihak ahli-ahli Tribunal Pertama untuk mengenepikan perintah Mahkamah bertarikh 2 Julai 1988. Kemudian pada 22 Julai 1988, sebuah korum yang dibentuk terdiri daripada lima hakim yang lain telah mengenepikan perintah Mahkamah Agung bertarikh 2 Julai 1988.
- 2.73 Perintah yang dibuat oleh Mahkamah Agung pada 22 Julai 1988 disertakan sebagai lampiran 5 di muka surat cxxix dalam Laporan Tribunal Kedua. Korum untuk persidangan ini adalah
- Tan Sri Hashim Yeop Sani, Hakim Mahkamah Agung
- Dato' Harun Hashim, Hakim Mahkamah Agung
- Dato' Mohd Yusoff bin Mohamed, Hakim Mahkamah Tinggi (bersidang sebagai Hakim Mahkamah Agung)
- Dato' Gunn Chit Tuan, Hakim Mahkamah Tinggi (bersidang sebagai Hakim Mahkamah Agung)
- Dato' Annuar Zainal Abidin, Hakim Mahkamah Tinggi (bersidang sebagai Hakim Mahkamah Agung)

- 2.74 Adalah jelas bahawa dari senarai Hakim Mahkamah Agung, hanya Tan Sri Hashim Yeop Sani dan Dato' Harun Hashim layak untuk bersidang kerana enam Hakim yang lain telah digantung dari jawatan dan dua lagi Hakim yang tinggal merupakan responden dalam prosiding itu; maka panel tersebut terpaksa dibentuk dengan melantik tiga lagi ahli yang tinggal dari Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi.
- 2.75 Pada 8 Ogos 1988 Tun Salleh telah menerima notis rasmi mengenai penyingkiran beliau dari jawatan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong. Kelewatan selama satu bulan untuk bertindak atas cadangan Tribunal Pertama adalah tidak tipikal, dalam keadaan pada ketika itu. Besar kemungkinan kelewatan ini berpunca dari keraguan yang timbul dari kegagalan Tribunal Pertama untuk mematuhi perintah Mahkamah Agung yang bertarikh 2 Julai 1988 tersebut.
- 2.76 Melalui surat bertarikh 12 Ogos 1988, DYMM Yang di-Pertuan Agong telah melantik enam orang seperti yang berikut untuk membentuk Tribunal Kedua untuk menyiasat dan membuat laporan di bawah Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan mengenai kelakuan ke-lima-lima hakim yang menyertai pembicaraan Mahkamah Agung pada 2 Julai 1988. Ke-enam-enam hakim yang dilantik adalah:
- (1) Yang Arif Tan Sri Hashim bin Haji Yeop Sani Pengerusi  
Hakim Mahkamah Agung Malaysia
- (2) Yang Arif Hakim Mark Damian Hugh Fernando Ahli  
Hakim Mahkamah Agung Sri Lanka
- (3) Yang Arif Datuk Edgar Joseph Jr. Ahli  
Hakim Mahkamah Tinggi Malaya
- (4) Yang Arif Hakim P. Coomaraswamy Ahli  
Hakim Mahkamah Tinggi Singapura

(5) Yang Arif Datuk Haji Mohd Eusoff bin Chin Ahli  
Hakim Mahkamah Tinggi Malaya

(6) Yang Arif Dato' Lamin bin Haji Mohd Yunus Ahli  
Hakim Mahkamah Tinggi Malaya

(lihat perenggan 1.4 dan eksibit P3 dalam laporan Tribunal Kedua).

- 2.77 Tribunal Kedua mula bersidang pada 29 Ogos 1988. Pada hari itu peguam bagi pihak ke-lima-lima responden telah meminta Pengerusi dan Ahli Tribunal untuk mempertimbangkan sama ada beliau seharusnya disingkirkan atas alasan memperlihatkan sifat berat sebelah kerana beliau telah menganggotai korum Mahkamah Agung yang telah mengenepikan perintah Mahkamah yang terdahulu bertarikh 2 Julai 1988. Isu ini tidak perlu dibincangkan dengan panjang lebar kerana Pengerusi telah menunjukan bahawa beliau keinginan agar beliau digantikan dari menjadi Pengerusi dan Ahli Tribunal, setelah memberi pertimbangan yang teliti terhadap hujahan yang dibuat dan nas-nas yang dikemukakan. (Lihat perenggan 2.1 dan 2.2 dalam Laporan Tribunal Kedua).
- 2.78 Pada hari yang berikut, 30 Ogos 1988, Tribunal Kedua telah membuat kenyataan pada bersidangannya, mengesahkan bahawa Pengerusi ingin digantikan kedua-dua kedudukannya oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong; dan sekiranya Baginda tidak berhajat melantik Pengerusi, maka ahli-ahli yang tinggal akan melantik Pengerusi dari kalangan mereka. Selanjutnya Tribunal Kedua mengeluarkan kenyataan tambahan yang mengatakan bahawa sekiranya DYMM Yang di-Pertuan Agong tidak berhajat melantik Pengerusi, Tan Sri Edgar Joseph Jr. akan menjadi Pengerusi.

- 2.79 Seterusnya DYMM Yang di-Pertuan Agong bersetuju memberi kebenaran bagi Pengerusi menarik diri dan Baginda bersetuju juga kepada perlantikan Tan Sri Edgar Joseph Jr. menjadi Pengerusi yang baru. Pembicaraan kemudian telah diteruskan dengan lima ahli yang tinggal membentukkan korum.
- 2.80 Pada 23 September 1988, setelah memperolehi keterangan dan mendengar hujahan, Tribunal Kedua telah mengemukakan laporannya kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong. Dalam laporan itu, Tribunal Kedua:
- (a) Membebaskan kesemua lima Responden dari tuduhan menghadiri satu pembicaraan yang tidak sah di Mahkamah Agung pada 2 Julai 1988 atas alasan yang terpapar dalam laporan tersebut. Hanya tuduhan ini sahaja yang dihadapi oleh tiga dari kesemua lima Responden, yakni Tan Sri Azmi, Tan Sri Eusoffe Abdoocader dan Tan Sri Wan Hamzah;
  - (b) mendapati Tan Sri Wan Suleiman bersalah atas tuduhan tidak menghadirkan diri pada persidangan Mahkamah Agung di Kota Bharu tanpa sebarang alasan yang munasabah; bersalah juga atas tuduhan mengarahkan Datuk George Seah dan Dato' Harun Hashim untuk meninggalkan bersidang Mahkamah Agung tanpa sebarang sebab munasabah. Ke-lima lima ahli Tribunal telah mendapati beliau telah salah laku tetapi salah seorang ahli yang tidak dikenalpasti, menentang ahli yang lain mengenai hal hukuman, kerana beliau tidak berpendapat bahawa salah laku itu begitu serius untuk mejuruskan penyingkiran dari jawatan;
  - (c) mendapati Datuk George Seah bersalah, dengan majoriti empat-satu, atas tuduhan dengan sengaja ingkar untuk menghadiri sesi persidangan Mahkamah Agung di Kota Bharu dan mencabar arahan mutlak pemangku Ketua Hakim Negara untuk tinggal di Kota Bharu dan mempengerusikan sesi tersebut. Salah seorang daripada empat ahli Tribunal Kedua tersebut, dengan menentang tiga yang lain, berpendapat bahawa salah laku beliau tidaklah begitu serius untuk menjuruskan

penyingkiran dari jawatan. Ahli yang kelima pula berpendapat bahawa tuduhan ke atas Datuk George Seah tidak terbukti.

- 2.81 Akhir kata, menurut cadangan Tribunal Kedua, Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah telah disingkirkan dari jawatan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong sementara tiga lagi Responden telah dibebaskan dari tuduhan dan kemudian kembali kepada jawatan mereka yang asal. Pendapat yang bertentangan salah seorang ahli Tribunal (iaitu ahli yang menentang akan hukuman dalam kes Tan Sri Wan Suleiman serta juga yang mendapati tuduhan ke atas Datuk George Seah tidak terbukti) telah disuarakan dalam dokumen yang berasingan, tetapi tiada nama yang disebut.

### **Prosedur yang diterima-pakai oleh Panel untuk Kajian Semula**

- 3.1 Bidangan Tugasan Panel adalah:

“untuk mengkaji dan menyemak semula keputusan-keputusan dan laporan-laporan Tribunal Pertama dan Kedua; untuk mempertimbangkan definisi salah laku kehakiman yang diterima-pakai oleh kedua-dua Tribunal; dan untuk mempertimbangkan sama ada komposisi kedua-dua Tribunal tersebut, proses yang diterima-pakai oleh mereka dan kesimpulan yang telah dibuat, adalah berasas atau sebaliknya wajar dalam keadaan kedua-dua kes ini”.

#### **Bidang Tugasan juga menghendaki Panel**

“untuk menerima-pakai semua tindakan yang diperlukan, termasuk menemuduga saksi dan orang-orang yang berkenaan, memeriksa dokumen-dokumen, dan mendapatkan maklumat yang selanjutnya untuk tujuan mencapai kesimpulan yang wajar dan tepat.

- 3.2 Meskipun Panel ini memiliki skop yang luas bagi cara menjalankan kajian-semula, ia telah membuat keputusan untuk membataskan dirinya hanya kepada bahan yang sedia pada kedua-dua tribunal bagi penyiasatan dan dilaporkan mereka. Panel berpendapat bahawa untuk berlaku adil, kajian semula berkenaan merit dalam kedua-dua laporan itu haruslah dibuat hanya atas bahan yang diperolehi oleh kedua-dua tribunal dan dipercayai oleh mereka. Oleh yang

demikian, Panel telah mengelak dari mempertimbangkan atau bergantung kepada mana-mana peristiwa yang menyusul, bahan atau kenyataan oleh sesiapa. Tiada seorang pun yang telah di temuramah atau disoal. Panel juga tidak mencari atau bergantung kepada sebarang maklumat tambahan dalam menjalankan tugasannya penyemakan-semula.

- 3.3 Secara ringkas, Panel telah memeriksa semula isu-isu yang terbabit bersandarkan bahan-bahan yang sama yang telah dirujuk atau digunakan oleh kedua-dua tribunal untuk memutuskan sama ada penemuan dan kesimpulan yang dicapai oleh kedua-dua tribunal adalah berasas atau sebaliknya. Dengan nota penjelasan ini, kami teruskan dengan tugasannya penyemakan-semula.

#### **Maksud Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan**

- 4.1 Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang tempoh jawatan dan saraan para Hakim Mahkamah Agung. Klausa (1) hingga (5) adalah relevan, yang mana pada masa yang berkenaan mengatakan seperti berikut:

125 (1) Berdasarkan peruntukan-peruntukan klausa (2) hingga (5), seorang hakim Mahkamah Agung hendaklah memegang jawatannya sehingga menjangka umur enam-puluh-lima tahun atau sebarang masa yang lebih lama, tidak melebihi dari enam bulan setelah menjangkaui umur tersebut, sepertimana yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Seorang Hakim Mahkamah Agung boleh meletak jawatan dengan menulis surat sendiri kepada Yang di-Pertuan Agong tetapi tidak boleh disingkirkan dari jawatan kecuali mengikut peruntukan-peruntukan berikut dalam Perkara ini.

(3) Jika Perdana Menteri atau Ketua Hakim Negara, setelah berunding dengan Perdana Menteri mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa seorang Hakim Mahkamah Agung seharusnya dilucutkan jawatan atas alasan berkelakuan buruk atau tidak berkemampuan dari segi kelemahan badan atau pemikiran atau lain-lain sebab, untuk melaksanakan fungsi-fungsi jawatannya , Yang di-Pertuan Agong hendaklah membentuk satu tribunal mengikut klausa (4) dan

merujuk cadangan itu kepadanya; dan boleh, atas cadangan tribunal, melucutkan hakim itu dari jawatan.

- (4) Tribunal tersebut hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi atau, sekiranya dianggap oleh Yang di-Pertuan Agong adalah wajar untuk membuat perlantikan seumpama ini, mana-mana orang yang memegang atau pernah memegang jawatan yang sama di mana-mana pelusuk Komanwel, dan hendaklah diketuai oleh ahli yang utama dalam susunan berikut iaitu, Ketua Hakim Negara di Mahkamah Agung, kedua-dua Hakim Besar, mengikut yang mana terdahulu di antara mereka, dan ahli-ahli lain mengikut yang mana terdahulu dilantik ke jawatan yang melayakkan mereka menganggotai keahlian (yang lebih tua mendahulu yang lebih muda bagi dua ahli yang dilantik pada tarikh yang sama).
- (5) Sementara menunggu sebarang rujukan dan laporan di bawah klausa (3), Yang di-Pertuan Agong boleh, atas cadangan Perdana Menteri dan, bagi kes yang melibatkan hakim yang lain, setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, menggantungkan seorang Hakim Mahkamah Agung dari melaksanakan tugas-tugasnya.
- 4.2 Klausa (1) hingga (3) menangani penamatkan tempoh jawatan. Klausa (1) memperuntukkan bagi penamatkan jawatan setelah mencapai umur persaraan; klausa (2) bagi penamatkan atas perletakan jawatan oleh hakim dengan cara yang telah ditentukan; dan klausa (3) bagi penamatkan jawatan melalui penyingkiran atas alasan berkelakuan buruk atau tidak berkemampuan, kerana kelemahan anggota badan atau pemikiran atau sebarang sebab yang lain, untuk menjalankan tugas dengan baik. Jaminan tempoh dalam jawatan bagi hakim Mahkamah Agung semasa berkelakuan baik adalah jaminan yang diberikan oleh perlembagaan.
- 4.3 Ungkapan ‘sebarang kausa yang lain’ dalam klausa (3) hendaklah diterjemahkan dalam konteks sebagai membawa maksud dan dibataskan hanya kepada kausa-kausa yang menyebabkan hakim itu tidak berupaya menjalankan tugas-tugas jawatannya dengan baik. Satu hubungan terus antara ‘kausa’ dengan ‘kesan’ yang dinyatakan hendaklah diwujudkan untuk membenarkan penyingkiran atas alasan ini.

- 4.4 Alasan-alasan spesifik bagi penyingkiran ini selaras dengan norma-norma yang ditentukan untuk jaminan tempoh dalam jawatan bagi para hakim untuk melindungi kebebasan badan kehakiman dalam negara-negara yang ditadbir berdasarkan kedaulatan undang-undang. Kesemua alasan ini mestilah ditafsirkan dengan tegas dan ketat.

### **Konsep Kebebasan Badan Kehakiman**

- 5.1 Adalah wajar pada peringkat ini untuk merujuk kepada *UN Basic Principles on the Independence of the Judiciary [Prinsip-prinsip Asas Badan-badan Bersatu bagi Kebebasan Kehakiman]*, yang telah diterima-pakai oleh Kongres Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu di Milan pada Ogos-Sept 1985 dan disokong oleh resolusi-resolusi Perhimpunan Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu bertarikh 29 Nov 1985 dan 13 Dec 1985. Semua prinsip ini telah di gubal untuk membantu semua Negara ahli dalam tugasannya mereka untuk melindungi dan menggalakkan kebebasan badan kehakiman. Peruntukan yang serupa dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia mencerminkan jaminan itu, dan peruntukan-peruntukan ini hendaklah ditafsirkan sedemikian.
- 5.2 Semua peruntukan di dalam Prinsip-prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengan konteks semasa adalah:

#### **Kebebasan Badan Kehakiman**

1. Kebebasan badan kehakiman hendaklah dijamin oleh Negara dan dimaktubkan dalam Perlembagaan atau undang-undang Negara itu. Adalah tanggung jawab semua institusi kerajaan dan institusi lain untuk menghormati dan mematuhi kebebasan badan kehakiman.
2. Badan kehakiman hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas semua isu yang bersifat kehakiman dan hendaklah mempunyai kuasa eksklusif untuk menentukan sama ada sesuatu isu yang dikemukakan untuk keputusannya berada dalam lingkungan kecekapannya sebagaimana yang didefinisikan oleh undang-undang.

## Syarat-syarat Perkhidmatan dan Tempoh

11. Tempoh jawatan bagi para hakim, kebebasan mereka, jaminan, saraan yang memadai, syarat-syarat perkhidmatan, pencegahan dan umur persaraan hendaklah dijamin secukupnya oleh undang-undang.
15. Penugasan kes-kes kepada para hakim dalam mahkamah di mana mereka bertugas adalah perihal dalaman pentadbiran kehakiman.

## Disiplin, Penggantungan dan Penyingkiran

18. Para hakim adalah tertakluk kepada penggantungan atau penyingkiran sekiranya mereka tidak berupaya atau akibat kelakuan yang menyebabkan mereka tidak layak menjalankan tugas.

Prinsip-prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu wujud sebelum penyingkiran hakim-hakim yang berkenaan di Malaysia pada tahun 1988. Peruntukan sama dalam Perkara 125 hendaklah ditafsirkan dalam semangat yang sama.

- 5.3 *The Beijing Statement of Principles of the Independence of the Judiciary in the LAWSIA Region 1997* telah menghuraikan prinsip-prinsip ini secara terperinci. *Beijing Principles* ini berasal pada tahun 1982 dari ‘*Tokyo Principles*’ dan peranan Asia Foundation bagi maksud ini dalam tahun 1984, yang telah membawa kepada persidangan pertama di Malaysia dalam bulan Ogos 1985, diikuti dengan persidangan semua Ketua Hakim Negara di rantau Asia dan Pasifik setiap dua tahun sekali dengan sidang kemuncaknya di Manila pada tahun 1997 di mana ia telah diterima-pakai. Ketua Hakim Negara Malaysia adalah salah satu penandatangan bagi surat cara itu. Malaysia adalah peserta yang aktif dalam keseluruhan proses. *Beijing Principles* berlandaskan kepada Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, UDHR, ICESCR, ICCPR dan Prinsip-prinsip Asas Bangsa-bangsa Bersatu untuk Kebebasan Badan Kehakiman, di mana kesemuanya wujud sebelum tahun 1988.
- 5.4 *Beijing Principles* bukanlah perumusan baru norma-norma kebebasan badan kehakiman, tetapi adalah semata-mata sebuah penyataan semula atau kod bagi

norma-norma yang telah lama diwujudkan sebelum 1988 di sekitar Negara-negara Komanwel dan rantau Asia-Pasifik.

5.5 Rujukan kepada surat cara-surat cara ini dan peruntukan-peruntukan yang berkaitan di dalamnya membantu dalam mentafsirkan maksud sebenar dan skop Perkara 125, dan dalam menentukan sama ada terdapat sebarang asas yang munasabah untuk membentuk tuduhan-tuduhan dan seterusnya membuat kesimpulan bahawa pertuduhan-pertuduhan tersebut telah dibuktikan terhadap Ketua Hakim Negara / atau para hakim Mahkamah Agung.

5.6 *Beijing Principles* bermula dengan penekanan terhadap kepentingan *Kebebasan Badan Kehakiman* dalam *sebuah masyarakat yang bebas dan yang mematuhi kedaulatan undang-undang*. Bahagian-bahagian yang berkaitan adalah:

- |          |   |
|----------|---|
| Prgn. 1  | Badan kehakiman adalah satu institusi yang mempunyai nilai tertinggi dalam setiap masyarakat.   |
| Prgn. 22 | Penyingkiran seseorang Hakim dari jawatannya hanyalah patut didalam keadaan dimana adalah terbukti bahawa beliau tidak mempunyai keupayaan untuk menjadi Hakim, disabitan jenayah, atau kelakuan yang menyebabkan hakim itu tidak sesuai menjadi hakim. |
| Prgn. 35 | Penugasan kes-kes kepada para hakim adalah perihal pentadbiran kehakiman di mana keputusan muktamad mestilah dimiliki oleh ketua pegawai kehakiman di mahkamah yang berkaitan.  |
| Prgn. 38 | Kuasa eksekutif yang mungkin menjelaskan para hakim dalam jawatan, saraan atau keadaan atau sumber-sumber mereka, hendaklah tidak digunakan untuk mengugut atau membawa tekanan kepada seseorang hakim khususnya atau badan kehakiman secara amnya.     |

Ini adalah garis panduan yang penting untuk menentukan sama ada terdapatnya salah laku berkenaan tingkahlaku seseorang Hakim atau untuk menilai sama ada terdapatnya ketidakupayaan yang menunjukkan beliau tidak sesuai lagi memegang jawatan hakim.

- 5.7 Secara umum, alasan-alasan yang dibenarkan untuk penyingkiran di bawah Perkara 125 adalah tidak berkeupayaan menjalankan fungsi-fungsi dalam jawatan, atau ‘kelakuan buruk kehakiman’ yang menunjukkan hakim tersebut tidak sesuai memegang jawatan seorang hakim. Maksud ‘kelakuan buruk kehakiman’ memerlukan pertimbangan.

#### **Maksud Kelakuan Buruk Kehakiman**

- 6.1 Maksud ‘kelakuan buruk kehakiman’ adalah initipati untuk menentukan sama ada semua dakwaan yang di buat ke atas Ketua Hakim Negara dan para hakim Mahkamah Agung telah membentuk suatu pertuduhan yang sah untuk penyingkiran, dan jika demikian, sama ada tuduhan-tuduhan itu telah terbukti dengan bahan yang ada. Adalah tidak dipertikaikan bahawa ‘kelakuan buruk kehakiman yang terbukti’ dengan sendirinya boleh menjustifikasi penyingkiran di bawah peruntukan seperti Perkara 125(3) konsisten dengan konsep kebebasan badan kehakiman dalam sesebuah Negara yang tertakluk kepada kedaulatan undang-undang.
- 6.2 Erti ‘misbehave’ [berkelakuan buruk] dalam kamus adalah ‘berkelakuan tidak baik atau tidak sopan’; dan ‘misbehaviour’ [kelakuan buruk] juga hendaklah ditafsirkan sedemikian. Kelakuan buruk kehakiman mestilah bermaksud ‘kelakuan yang tidak baik atau tidak sopan yang berkaitan dengan jawatan seseorang hakim’. Dalam erti kata lain ia bermaksud sebarang kelakuan yang tidak baik atau tidak sopan seorang hakim yang tidak konsisten dengan kelakuan kehakiman, boleh menyebabkan seseorang itu tidak berkemampuan untuk meneruskan jawatan sebagai hakim. Maksud dan skop ungkapan itu adalah luas, tetapi kelakuan buruk yang didakwa itu mestilah mempunyai hubungan terus dengan jawatan hakim, menghakiskan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman sebagai pelindung kedaulatan undang-undang. Tingkah laku tersebut mestilah menunjukkan bahawa hakim itu tidak sesuai untuk jawatannya, atau

tingkahlaku sesuatu yang boleh menjaskan kuasa hakim atau keyakinan orang ramai terhadapnya mahkamahnya.

- 6.3 Dalam *common law*, konsep ‘kelakuan buruk kehakiman’ membawa maksud kelakuan yang tidak baik atau tidak sopan yang berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab jawatan, seperti mengabaikan atau menolak untuk melaksanakan semua tanggungjawab itu, dan disabitkan dengan kesalahan jenayah yang dahsyat. Justeru itu, Konsep ‘kelakuan buruk kehakiman’ hendaklah dilihat sebagai merangkumi apa-apa tingkahlaku yang menunjukkan ketidakmampuan seseorang itu menyandang jawatan seorang hakim. Alasan-alasan yang telah ditentukan meliputi moral yang keji, sifat berat sebelah [partisan] dan memihak kepada satu pihak [partial], dan perlakuan buruk juga dalam kehidupan peribadi. Secara ringkas, “kelakuan buruk kehakiman” tidak boleh diberi maksud yang terhad. Ia harus difahamkan sebagai merangkumi kelakuan hakim dalam dan di luar perlaksanaan tugasannya, melambangkan satu penyimpangan dari tahap kelakuan yang wajar, yang begitu serius, oleh hakim tersebut, yang mana tingkah laku tersebut hendaklah dibuktikan telah memusnahkan keyakinan orang ramai terhadap kemampuannya untuk bertindak di bawah dan mengikut Perlembagaan. Ujian ini bagi penyingkiran seorang hakim atas alasan kelakuan buruk kehakiman adalah konsisten dengan jaminan perlembagaan tentang kebebasan badan kehakiman.

Ungkapan “*any other cause*” [sebarang sebab yang lain] dalam Perkara 125(3) dalam konteks yang sama, harus ditafsirkan dengan cara yang sama, berkaitan dengan perlaksanaan yang sebenar tugas-tugas seorang hakim.

- 6.4 Para hakim dikehendaki untuk memenuhi standard integriti dan kebebasan yang tertinggi. Namun, ianya tidak semestinya kalau seorang hakim tidak mempunyai semua sifat yang ideal maka dia tidak sesuai menyandang jawatan hakim. Keyakinan orang ramai juga tidak bergantung kepada membuat keputusan, yang bersikap populis – adalah lebih penting bagi orang ramai mempunyai keyakinan

kepada kebebasan dan integriti proses hakim itu membuat keputusan. Adalah tidak dinafikan bahawa, Kerajaan harus mempunyai hak muktamad untuk menyingkirkan seorang hakim yang kelakuannya jatuh bawah tahap yang ditentukan dan diterima tetapi kuasa penyingkiran ini tidak harusnya dilaksanakan secara ringan atau dilaksanakan kerana motif tersembunyi.

- 6.5 Tribunal Pertama telah mempertimbangkan ungkapan “misbehaviour or any other cause” [kelakuan buruk atau apa-apa sebab yang lain] dan berkata :

“.....definisi luas istilah “kelakuan buruk” untuk bermaksud kelakuan yang menyalahi undang-undang atau kelakuan yang tidak bermoral seperti penyogokan, rasuah, kelakuan yang dibuat dengan motif yang tidak baik berkaitan dengan jawatan hakim dan yang mana akan menjelaskan pentadbiran keadilan yang sewajarnya atau yang akan mengoyangkan keyakinan orang ramai pada seorang hakim”.

*[“... a broad definition of the term ‘misbehaviour’ to mean unlawful conduct or immoral conduct such as bribery, corruption, acts done with improper motives relating to the office of a judge and which would effect the due administration of justice or which would shake the confidence of the public in a judge”.]*

- 6.6 Tribunal Kedua yang membincangkan isu ini mengambil pandangan bahawa ‘salahlaku tanpa keterangan yang menyokong wujudnya motif yang tidak baik, tidak mencukupi untuk menjustifikasi penyingkiran’ adalah tersirat dalam Artikel 125(3); dan takrifan “misbehaviour” [salah laku] dalam re Murphy (Australian Bar Review, 1986, Vol.2, No.3) hendaklah dipakai berdasarkan nilai-nilai dan standard ketika ini di Malaysia. Tribunal seterusnya berpendapat bahawa “ketidakcekapan seseorang hakim itu bukanlah merupakan alasan untuk penyingkiran” [*“incompetence is no ground for removal”*] kerana pendekatan sebaliknya boleh disalahgunakan sebagai alasan untuk menyingkirkan hakim yang betul-betul cekap; dan “kesilapan semata-mata, sama ada tentang fakta atau undang-undang, atau kesilapan pertimbangan adalah tidak memadai...hanya kesilapan yang mungkin disabitkan dengan motif yang tidak baik – tidak jujur, motif penindasan atau rasuah, atau berat sebelah atau berniat jahat – boleh

ditakrifkan sebagai “salah laku”...satu insiden terasing tidak akan dianggap sebagai cukup untuk menyebabkan...penyingkiran”.

Tribunal telah menamatkan prosiding dengan merujuk kepada penghujahan Peguam Negara kepada Tribunal Pertama dan Kedua dan berkata: “dari ungkapan sebelum ini, sifat ‘salah laku’ dan elemen moral atau mental yang perlu mestilah jelas”. ([1989] 1 MLJ, 14 April 1989 Laporan muka surat 393-456

- 6.7 Berdasarkan keputusan kedua-dua tribunal itu, yang kononnya mengguna pakai ujian di atas, Ketua Hakim Negara dan kedua hakim Mahkamah Agong itu telah disingkirkan di bawah Perkara 125(3).

### **Keputusan dan Rumusan bagi Tribunal Pertama dan Kedua**

- 7.1 Dengan menggunakan ujian di atas, Tribunal Pertama telah merekodkan keputusannya terhadap Tun Salleh, Ketua Hakim Negara seperti berikut:

“... kami berpendapat bahawa dengan ketiadaan sebarang penjelasan yang dibuat oleh atau bagi pihak responden, bahawa responden telah didapati bersalah bukan sahaja kerana ‘salah laku’, bahkan salah laku yang jatuh dalam lingkungan ‘sebab-sebab lain’, yang mana menyebabkan beliau tidak berkeupayaan untuk melaksanakan tugas-tugas jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara Malaysia dengan baik, seperti yang termaktub dalam Perkara 125(3) Perlembagaan”.

(dalam muka surat 106-7 SCJ, Vol. 1, Bhgn. 2-Okttober 1988 di mana laporan itu telah diterbitkan)

- 7.2 Dengan menggunakan ujian di atas, rumusan Tribunal Kedua secara majoriti adalah bahawa Tuduhan 1 dan 2 sahaja telah dibuktikan terhadap YA Tan Sri Wan Suleiman; dan Tuduhan 1 sahaja telah dibuktikan terhadap YA Datuk George Seah. Baki tuduhan yang tinggal terhadap mereka berdua dan kesemua tuduhan terhadap tiga hakim Mahkamah Agung yang lain tidak dibuktikan.

- 7.3 Maksud dan skop ‘salah laku’ dalam Perkara 125(3) diputuskan oleh Tribunal Kedua selepas perbincangan yang teliti adalah selaras dengan pendapat yang sudah mantap di Komanwel. Oleh itu soalan sebenar ialah sama ada kedua-dua tribunal telah menggunakan maksud dan ujian itu dengan betul untuk mencapai rumusan mereka, atau sama ada keputusan mereka tidak konsisten dengan pendapat yang sudahpun ditentukan tentang maksud ‘salah laku kehakiman’?
- 7.4 Soalan utama ini telah dipertimbangkan seperti berikut, bersama isu-isu yang berkaitan dengan kesahihan pembentukan dan komposisi tribunal-tribunal itu, keesahan dan kesuaian tuduhan-tuduhan, keesahan prosedur, keesahan dan ketepatan keputusan tribunal, dan seterusnya kesahihan mengikut perlembagaan tindakan menyingkirkan Tun Salleh, Ketua Hakim Negara dan dua hakim Mahkamah Agung yang lain, YA Tan Sri Wan Suleiman dan YA Datuk George Seah.

### **Tribunal Pertama – Isu-isu untuk dipertimbangkan**

#### **Pembentukan dan Komposisi Tribunal Pertama**

- 8.1 Perdana Menteri telah menulis kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong menasihatkan agar sebuah tribunal di wujudkan untuk penyingkiran Tun Salleh bersandarkan tuduhan-tuduhan yang telah dibuat terhadapnya, dan pada 11 Jun 1988, beliau mencadangkan enam orang berikut dilantik untuk membentuk tribunal di bawah Perkara 125(4), iaitu;
- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Tan Sri Dato' Abdul Hamid Omar, Hakim Besar Malaya & pemangku Ketua Hakim Negara | Pengerusi |
| 2. Tan Sri Datuk Lee Hun Hoe, Hakim Besar Borneo                                    | Ahli      |
| 3. Hakim Mr. KAP Ranasinhe, Hakim Besar Sri Lanka                                   | Ahli      |
| 4. Hakim Mr. TS Sinnathuray, Hakim Mahkamah Tinggi, S'pura                          | Ahli      |
| 5. Tan Sri Abdul Aziz bin Zain,<br>Hakim Bersara Mahkamah Persekutuan               | Ahli      |

6. Tan Sri Datuk Mohd. Zahir bin Ismail,  
Hakim Bersara Mahkamah Tinggi Ahli

Pada hari yang sama, DYMM Yang di-Pertuan Agong telah memberi jawapan kepada Perdana Menteri dan memperkenankan perlantikan ke-enam-enam orang yang dicalonkan oleh Perdana Menteri itu untuk membentuk Tribunal Pertama. Pengumuman awam berkenaan perlantikan-perlantikan ini telah dibuat pada 13 Jun 1988.

8.2 Pada 14 Jun 1988, Tun Salleh telah diserahkan dengan satu salinan tuduhan terhadapnya, dan pada 17 Jun, Setiausaha Tribunal Pertama telah menulis kepada Tun Salleh memberitahu beliau bahawa pembicaraan akan bermula pada 27 Jun 1988.

8.3 Pada 21 Jun, peguamcara Tun Salleh telah menulis kepada Setiausaha tersebut membantah akan komposisi tribunal itu atas alasan-alasan berikut, yakni:

- Pangkat Pengerusi Tribunal adalah lebih rendah dari Tun Salleh, dan beliau telah menghadiri mesyuarat para hakim di Kuala Lumpur, yang berakhir dengan surat dihantar kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong.
- Pelantikan Tan Sri Datuk Mohd. Zahir dan Tan Sri Abdul Aziz adalah tidak bersesuaian atas dasar doktrin pemisahan kuasa. Tan Sri Datuk Mohd. Zahir telah mempengerusikan sidang Parlimen ketika Perdana Menteri berucap mengenai badan kehakiman; dan Tan Sri Abdul Aziz adalah usahawan dan mempunyai lesen amalan guaman.
- Hakim Sinnaduray adalah lebih rendah dalam pangkat berbanding Tun Salleh.

8.4 Pada 29 Jun, tribunal telah memulakan pembicaraan dengan komposisi yang sama dan menolak bantahan itu, dan menangguhkan prosiding untuk bersambung semula pada keesokan harinya, 30 Jun. Permintaan Tun Salleh untuk mengadakan pembicaraan terbuka dan kebenaran untuk diwakili oleh Mr. Anthony Lester, seorang Q.C. yang terkemuka juga telah ditolak menyebabkan

Tun Salleh menarik diri dari prosiding kerana tidak berkeyakinan pada kredibiliti tribunal itu. Tribunal meneruskan pembicaraan pada 30 Jun dan menamatkannya pada hari yang sama. Tribunal telah mengemukakan laporannya kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong pada 7 Julai 1988 dan notis rasmi penyingkirkan Tun Salleh dari jawatan telah dikeluarkan pada 8 Ogos 1988.

- 8.5 Keseluruhan prosiding telah diselesaikan dengan kelajuan yang tidak berpatutan berkenaan satu isu yang tersangat penting yang melibatkan ketua badan kehakiman Negara ini dan kedaulatan undang-undang. Persoalan pertama adalah berkenaan dengan keesahan komposisi Tribunal Pertama yang telah dicabar secara khusus oleh Tun Salleh.
- 8.6 Perkara 125(4) adalah suatu peruntukan progresif yang membolehkan penubuhan satu komposisi Tribunal yang adil dan tidak berat sebelah, dan yang memberi pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menubuhkan Tribunal tersebut pelbagai pilihan. Ini untuk memastikan tiadanya kemungkinan ada sifat berat sebelah walau sedikit pun pada mana-mana ahli tribunal. Keperluan berkenaan ahli Tribunal yang sama atau lebih tinggi tarafnya, yakni untuk menjaga maruah hakim yang disiasat, adalah tersirat di dalam peruntukan ini. Oleh itu, pilihan ahli Tribunal diperluaskan kepada serata pelusuk Komanwel. Kepelbagaiannya ini terbukti dari ungkapan *“orang-orang yang memegang atau telah memegang jawatan yang sama taraf di mana-mana pelusuk Komanwel”* (*persons who hold or have held equivalent office in any other part of the Commonwealth*”).
- 8.7 Hatta, adalah mudah untuk menggambarkan bahawa terdapat pilihan yang lebih daripada cukup untuk menamakan lima atau enam orang bagi membentuk tribunal dari kalangan hakim yang memegang atau pernah memegang jawatan Ketua Hakim Negara atau Hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi dari serata pelusuk Komanwel, atau bekas Ketua Hakim Negara atau hakim Mahkamah Agung Malaysia atau Mahkamah Tinggi Malaysia, untuk mengelakkan timbulnya perasaan syak wasangka atau bias, walaupun sedikit, pada mana-mana ahli. Ini

merupakan jalan yang munasabah memandangkan bahawa penyiasatan dijalankan terhadap seorang Ketua Hakim Negara, iaitu ketua badan kehakiman negara. Keadilan menuntut pembentukan tribunal yang sedemikian, juga demi mewujudkan keyakinan orang awam terhadap kredibiliti Tribunal. Malangnya, jalan nyata ini, yang mana terdapat senarai panjang nama-nama hakim yang tidak terdapat ada sebarang perasaan syak yang munasabah terhadap mereka kerana memiliki sifat berat sebelah tidak diambil ketika mencalonkan nama-nama kepada DYMM Yang Dipertuan Agong bagi tujuan membentukkan Tribunal Pertama.

- 8.8 Selain dari apa yang tersebut di atas, keputusan dan syor Tribunal Pertama juga bersifat cacat oleh kerana terdapat kesalahan berat sebelah yang nyata akibat dari penyertaan Pengerusinya sekurang-kurangnya, kalau tidak pun ahli-ahli yang lain. Seorang pemerhati sambil lewa pun boleh melihat kelemahan ini, dan apalagi Pengerusi mulia dan ahli-ahli Tribunal yang mengambil berat dalam hal ini. Malangnya, hal yang nyata ini diabaikan walaupun terdapat bantahan-bantahan terhadapnya di permulaan prosiding, oleh Tun Salleh.
- 8.9 Pengerusi, Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar ialah orang yang kekanan didalam badan kehakiman selepas Tun Salleh, dan oleh itu, mempunyai kepentingan yang terus dan nyata berkenaan sebarang keputusan yang tidak memihak kepada Tun Salleh. Perkara ini memang berlaku ekoran keputusan yang tidak memihak dan membawa kepada pemecatan Tun Salleh. Beliau telah dilantik Pemangku Ketua Hakim Negara ketika beliau mempengerusikan tribunal. Kepentingan peribadi langsung Pengerusi menjadi alasan yang mencukupi untuk tidak melayakkkan dirinya dan beliau seharusnya menarik diri tetapi, beliau enggan berbuat demikian walaupun terdapat bantahan khusus terhadap penyertaannya. Sebagai hakim yang menduduki tahap itu, Tan Sri Abdul Hamid sepatutnya sedar dan mengetahui berkenaan kewajipannya untuk menarik diri sepetimana yang dilakukan oleh Pengerusi Tribunal Kedua yang kemudian, Tan Sri Hashim, ekoran bantahan yang kurang serius.

- 8.10 Sebab lain kenapa Pengerusi harus menarik diri ialah kehadirannya di mesyuarat hakim-hakim di Kuala Lumpur pada 25 Mac 1988 di mana beliau merupakan seorang saksi terhadap perbincangan yang di adakan di mesyuarat tersebut, suatu hal yang relevan untuk pertimbangan tribunal. Beliau merupakan seorang yang mempunyai kepentingan atas lebih daripada satu sebab dan penyertaannya sebagai Pengerusi telah membatalkan keseluruhan prosiding dan keputusan tribunal.

### **Kesan Berat Sebelah**

- 9.1 Penyiasatan yang adil dan tidak berat sebelah digambarkan sebagai asas untuk memecat seorang hakim di bawah Perkara 125. Untuk melindungi kejujuran proses yang dijalankan bagi mencapai keputusan, adalah perlu untuk memastikan bahawa tidak ada hal-hal yang boleh menimbulkan sebarang risiko berat sebelah. Hukum terhadap bias, diadakan bertujuan untuk memastikan bahawa: “*Keadilan bukan sahaja mesti dilaksanakan, malah juga mesti dilihat dengan jelas dan nyata, bahawa ia dilaksanakan*”.

[“*Justice should not only be done, but should manifestly and undoubtedly be seen to be done*”.]

Begitu juga,

“*Common law, yang menolak kelayakkan seorang hakim, majistret atau penimbang tara dari mendengar sesuatu kes apabila terdapat hal-hal yang menunjukan kehadiran risiko berat sebelah samada bersangkut dengan satu pihak yang berada di hadapannya atau berkenaan isu yang timbul dari kes tersebut.*

[“*The common law disqualifies a Judge, Magistrate or independent arbitrator from adjudicating whenever circumstances point to a risk that he would have a bias in relation to a party or issue before him*”.]

- 9.2 Ujian untuk kehadiran bias sudah lama diputuskan didalam perbagai kes-kes di hadapan mahkamah-mahkamah tertinggi di sekitar Komanwel. Satu perbincangan

yang berkenaan iisu ini boleh didadapti di dalam buku “*Judicial Review of Administrative Action*”, Sweet & Maxwell, Edisi Kelima, 1995 halaman 525-527 karangan De Smith, Woolf dan Jowell, Bergantung kepada nas-nas yang lebih terdahulu, ujian bias telah tertera dengan jelasnya di dalam kes *R v Gough, 1993 A.C. 646* sedemikian:

“Setelah mempertimbangkan nas-nas terdahulu, adalah diputuskan bahawa hadirnya kepentingan kewangan atau harta secara langsung, senantiasa menyahkan kelayakan seseorang pembuat keputusan. Di luar kategori itu, adalah diputuskan bahawa ujiannya bergantung atas keputusan mahkamah sama ada wujudnya ‘bahaya berat sebelah yang nyata’ berdasarkan kepada hal atau keadaan kes. Dalam kes sedemikian, keputusan tidak boleh dikekalkan”.

[“Having carefully considered the authorities it was held that direct pecuniary or proprietary interest always disqualified the decision-maker. Outside of that category, it was held that the correct test is whether, in the circumstances of the case, the court considers that there appeared to be a ‘real danger of bias’. In such a case, the decision should not stand”.]

- 9.3 Begitu juga dengan ringkasan kes-kes, termasuklah keputusan Mahkamah Agung India, yang telah dibincangkan di dalam buku “*Constitutional Law of India*” oleh Dr Subhash C.Kashyap, Universal Law Publishing Co. (2008), Jilid 1, halaman 825, 829 & 830 yang diterbitkan baru-baru ini:

“Kedaulatan undang-undang dan keadilan sejagat: Matlamat rukun-rukun keadilan sejagat adalah untuk memperolehi keadilan atau dari sudut negatif untuk mengelak kegagalan keadilan... Konsep keadilan sejagat telah melalui banyak perubahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa dahulu, difikirkan bahawa ia merangkumi dua rukun sahaja iaitu (1) tiada seorang yang boleh menjadi hakim dalam kesnya sendiri (*nemo debet esse judex in propria causa*) dan (2) tiada keputusan boleh dibuat terhadap seseorang pihak tanpa memberinya peluang untuk mengemukakan kesnya (*audi alteram partem*). Tidak lama kemudian, rukun ketiga telah digambarkan iaitu sebarang soal siasat yang bersifat separa-kehakiman mestilah diputuskan dengan niat yang ikhlas, tanpa berat sebelah dan bukan secara sewenang-wenangnya atau dengan tidak munasabah...Kini tidak dipertikaikan lagi bahawa doktrin keadilan sejagat telah diterima pakai walaupun di dalam kes-kes prosiding pentadbiran yang melibatkan kesan sivil.

[“Rule of law and natural justice: The aim of the rules of natural justice is to secure justice or to put it negatively to prevent miscarriage of justice... The concept of natural justice has undergone a great deal of change in recent years. In the past it was thought that it included just two rules namely (1) no one shall be a judge in his own case (*nemo debet esse judex in propria causa*) and (2) no decision shall be given against a party without affording him a reasonable hearing (*audi alteram partem*). Very soon thereafter, a third rule was envisaged and that is that quasi-judicial enquiries must be held in good faith, without bias and not arbitrarily or unreasonably... It is now well settled law that even in administrative proceedings which involve civil consequences, the doctrine of natural justice will be applicable...”]

**Doktrin berat sebelah:** Prinsip-prinsip yang menentukan “doktrin berat sebelah” bersabit dengan tribunal kehakiman telah lama diputuskan dan ianya adalah: (i) tiada orang yang boleh menjadi hakim dalam kausanya sendiri; (ii) keadilan bukan sahaja mesti dilaksanakan, malah juga mesti dilihat bahawa ia dilaksanakan secara nyata dan terang. Kedua-dua hukum ini menghasilkan kesan bahawa jika seorang ahli badan kehakiman ‘bersikap berat sebelah (tidak mengira sama ada dari segi kewangan atau yang lain), memihak atau bertentangan mana-mana pihak terlibat dalam sesuatu pertikaian atau berada dalam sesuatu keadaan di mana berat sebelah harus di anggap wujud, dia sepatutnya tidak mengambil bahagian dalam keputusan atau menduduki tribunal-tribunal’; dan bahawa ‘apa-apa kepentingan kewangan atau pangkat secara langsung, walaupun kecil, dalam hal perkara penyiasatan, akan membantalkan kelayakan seseorang hakim itu, dan apa-apa kepentingan, walaupun tidak melibatkan hal-hal kewangan, akan ada kesan yang sama, jika ia cukup untuk mewujudkan syak yang munasabah bahawa terdapatnya berat sebelah’. Prinsip-prinsip yang sama-sama terpakai terhadap pihak berkuasa, walaupun mereka bukanlah mahkamah keadilan atau tribunal kehakiman, sekiranya mereka perlu bertindak secara kehakiman untuk menentukan hak-hak orang lain. Pendek kata, sesuatu pihak berwibawa yang berkuasa yang ditubuhkan untuk menjalankan peranan-peranan separa-kehakiman”.

“Adalah bertentangan dengan segala hukum keadilan jika seseorang menjadi hakim dalam kausanya sendiri. Adalah payah untuk membuktikan keadaan minda seseorang. Oleh yang demikian, apa yang perlu dilihat adalah sama ada terdapat asas yang munasabah untuk kami percaya bahawa dia kemungkinan berat sebelah. Dalam menentukan soal berat sebelah, kami perlu mempertimbangkan kebarangkalian perangai manusia dan haluan biasa tingkahlaku manusia.”

[“**Doctrine of bias:** The principles governing the ‘doctrine of bias’ vis-à-vis judicial tribunals are well settled and they are: (i) no man shall be a judge in his own cause; (ii) justice should not only

be done but manifestly and undoubtedly seen to be done. The two maxims yield the result that if a member of a judicial body is 'subject to a bias (whether financial or other) in favour of, or against, any party to a dispute or is in such a position that a bias must be assumed to exist, he ought not to take part in the decision or sit on the tribunals', and that 'any direct pecuniary interest, however small, in the subject matter of inquiry will disqualify a judge, and any interest, though not pecuniary, will have the same effect, if it is sufficiently substantial to create a reasonable suspicion of bias'. The said principles are equally applicable to authorities, though they are not courts of justice or judicial tribunals, who have to act judicially in deciding the rights of others, i.e., authorities who are empowered to discharge quasi-judicial functions".

"It is against all canons of justice to make a man judge in his own cause. It is difficult to prove the state of mind of a person. Therefore what we have to see is whether there is a reasonable ground for believing that he was likely to have been biased. In deciding the question of bias we have to take into consideration the human probabilities and the ordinary course of human conduct".]

- 9.4 Boleh ditambah, bahawa dengan pelbagai jenis pemilihan di bawah Perkara 125(4) dalam kes sekarang, doktrin keperluan tidak boleh diterima pakai untuk memberikan justifikasi berkenaan asas pemilihan yang dibuat bagi tujuan menubuhkan Tribunal Pertama.
- 9.5 Penyertaan Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar sebagai Pengerusi Tribunal Pertama sahaja mencukupi untuk menidakkan kesahihan penubuhannya, dan untuk mencacatkan seluruh prosiding, keputusan dan syor-syor atas alasan '*berat sebelah*'.
- 9.6 Perkara 125 menunjukkan dengan jelas bahawa tribunal yang digambarkan adalah 'tribunal kehakiman', yang dianggotai hanya oleh bekas hakim dan hakim. Adalah tersirat bahawa seorang bekas hakim perlu dilarang jika kepentingan kininya menimbulkan 'bahaya berat sebelah yang nyata'. Keahlian dua hakim yang lain, Tan Sri Mohd Zahir dan Tan Sri Abdul Aziz boleh dipersoalkan atas alasan 'bahaya berat sebelah yang nyata', sepertimana tersebut di atas.

- 9.7 Tuduhan-tuduhan terhadap Tun Salleh merangkumi penentangan secara langsung dengan pihak Eksekutif dan Legislatif (Perundangan). Seorang ahli parlimen yang telah mempengerusikan sebuah sesi dan membenarkan Perdana Menteri berucap mengkritik Badan Kehakiman yang diketuai oleh Tun Salleh, dalam konteks penentangan yang didakwa, tidak layak menjadi ahli tribunal oleh kerana berat sebelah institusi. Begitu juga, seorang bekas hakim yang ada kepentingan dalam perniagaan dan memegang sijil amalan guaman juga tidak layak untuk menjadi ahli tribunal. Ujian untuk '*bahaya berat sebelah yang nyata*' dicapai dalam kes yang melibatkan kedua-dua ahli, Tan Sri Mohd Zahir dan Tan Sri Abdul Aziz.
- 9.8 Ketidaklayakkan Pengerusi sudah memadai untuk mencacatkan seluruh prosiding, keputusan dan syor-syor tribunal, sementara ketidaklayakkan dua ahli yang lain memburukkan lagi keadaan.
- 9.9 Oleh yang demikian, atas sebab ini sahaja, keputusan Tribunal Pertama dan pemecatan Tun Salleh yang berikutnya tidak mengikuti Perkara 125 dan tidak ada kesan perundangan, iaitu *non est*.
- 9.10 Satu lagi bantahan yang diambil terhadap penubuhan Tribunal Pertama adalah bahawa cadangan untuk memulakan tindakan pemecatan tidak dibuat oleh Perdana Menteri sepertimana yang dikehendaki oleh Perkara 125(3), tetapi atas satu 'perintah' kepada beliau oleh DYMM Yang DiPertuan Agong, di mana Perdana Menteri hanya mematuhi dan mengambil tindakan. Fakta ini disokong oleh pengataan yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri di dalam suratnya yang bertarikh 5 May 1988 sepertimana Lampiran 3 halaman 113 Laporan Tribunal Pertama. Pada zahirnya, kenyataan ini tidak memudaratkan tetapi pada hakikatnya ianya adalah suatu kecelaan yang membawa padah dalam permulaan prosiding untuk pemecatan dan yang menyebabkan penubuhan Tribunal Pertama menjadi tidak sah.

- 9.11 Perkara 125(3) dengan jelasnya memerlukan cadangan untuk memulakan prosiding untuk pemecatan melalui penubuhan satu tribunal yang mesti datang daripada Perdana Menteri, dan diambil tindakan oleh DYMM Yang DiPertuan Agong jika Baginda menerima cadangan tersebut; dan selepas tribunal menjalankan penyiasatan dan mengesyorkan pemecatan hakim yang berkenaan, DYMM Yang DiPertuan Agong membuat keputusan selaku pihak yang berkuasa muktamad untuk memecat seseorang hakim. Dalam kes ini, Perdana Menteri tidak bertindak atas kehendaknya sendiri dalam memberikan cadangan, tetapi hanya mematuhi perintah DYMM Yang DiPertuan Agong yang mempunyai kuasa muktamad berkenaan isu pemecatan ini. Akibat kehilafan ini adalah, pihak yang mempunyai kuasa muktamad iaitu DYMM Yang DiPertuan Agong, setelah memutuskan untuk memecat Ketua Hakim Negara, Tun Salleh, telah mengarahkan permulaan tatacara yang ditetapkan, yang merupakan hanya suatu “formality” untuk mematuhi ‘perintah’ Baginda. Kecelaan tersebut bukanlah satu kesalahan kecil yang menyentuh kegagalan mematuhi prosedur, tetapi bersifat substantif. Oleh kerana ia bercanggah dengan Perkara 125(3), ia mencacatkan seluruh tatacara dan tindakan pemecatan, yang menyebabkannya batal dan menjadikan prosiding tidak sah
- 9.12 Pertimbangan isu-isu yang lain, selepas ini, akan mendedahkan banyak lagi kesalahan yang menyebabkan tindakan pemecatan tidak berkesan di bawah Perlumbagaan.

#### **Tatacara yang diikuti oleh Tribunal Pertama**

- 10.1 Sepertimana yang diperhatikan sebelum ini, pendengaran tribunal terhadap perkara yang penting di dengar dalam keadaan tergesa-gesa dalam tempoh sehari sahaja sungguhpun ianya berkenaan isu kedaulatan undang-undang dalam negara ini. Walaupun kecepatan kes diingini bagi perkara ini, perjalanan kes dengan kelajuan yang luarbiasa boleh membawa kepada satu keputusan yang membinasakan. Setelah Pengerusi enggan menarik diri, tribunal menolak pula

permintaan untuk pendengaran terbuka dan enggan membenarkan Anthony Lester, QC, untuk mewakili Tun Salleh dalam penyiasatan, ataupun memberi masa untuk menunggu keputusan prosiding untuk memohon penggantungan di Mahkamah Tinggi. Tidak hairanlah jika Tun Salleh tidak mempunyai keyakinan terhadap keadilan tribunal dan memilih untuk menarik diri daripada prosiding tersebut.

- 10.2 Walaupun, dalam prosiding *ex parte*, tribunal tidak dilepaskan daripada kewajipannya untuk meneruskan prosiding dengan adil dan saksama. Ia sepatutnya memeriksa dengan adil sama ada tuduhan mengenai salah laku kehakiman yang boleh dibicarakan dapat dibuktikan daripada bahan di hadapannya; dan jika benar, ia perlu mempertimbangkan sama ada tindakan yang berpunca daripada Tun Salleh itu, tidak sejajar dengan tugas beliau sebagai Ketua Hakim Negara demi mengekalkan peranan dan kebebasan Badan Kehakiman di bawah Perlembagaan dan demi mengelakkan kehakisan kepercayaan orang awam. Lapuran Tribunal Pertama tidak menunjukkan bahawa tribunal tersebut itu sedar atau prihatin akan tanggungjawabnya berkenaan perkara asas ini, yang di dalam keadaan kes ini adalah sangat penting setelah mengambil kira latarbelakang peristiwa-peristiwa yang mengakibatkan pertuduhan-pertuduhan ini dibawa terhadap Tun Salleh.
- 10.3 Oleh demikian, tribunal telah mengurangkan nilai probatif laporannya kerana gagal mempertimbangkan faktor yang amat penting ini. Tahap kemahiran yang sepatutnya tidak dimiliki oleh Pengerasi dan kebanyakan ahli. Adalah menjadi keperluan untuk ahli-ahli Tribunal tersebut mempunyai darjah kemahiran, pengalaman dan kuasa bagi memastikan mereka boleh menilai jenis bukti yang wajar untuk tuduhan-tuduhan terhadap Tun Salleh.
- 10.4 Kewajipan tribunal kehakiman walaupun dalam prosiding *ex parte* adalah untuk mencapai suatu keputusan yang saksama dan adil, dan bukan hanya untuk menerima kenyataan *ipse dixit* daripada penuduh sebagai kebenaran. Kewajipan

tribunal adalah untuk mengguna pakai undang-undang dengan tepat bagi membuktikan kenyataan dan untuk menentukan sama ada butir-butir kesalahan atau tuduhan dibuktikan. Beban menjelaskan tuduhan tidak beralih kepada tertuduh, dan kewajipan ini tidak timbul sehingga peringkat itu dicapai. Kegagalan tribunal bertindak secara ini dan meletakkan beban pada tempat yang tepat merupakan penafian hak di bawah Perlembagaan untuk memastikan penyiasatan yang adil dan tidak berat sebelah. Penekanan berulang kali bahawa kegagalan Tun Salleh untuk mengemukakan penjelasannya menjadi fakta yang mempengaruhi keputusannya adalah kesilapan di sisi undang-undang kerana Tribunal tersebut telah tersilap dalam meletakkan beban atas Tun Salleh. Ini juga merupakan kecelaan dalam kes yang sekarang.

- 10.5 Perbincangan kemudian mendedahkan dengan lebih lanjut cara sambil lewa penyiasatan oleh Tribunal Pertama. Penelitian yang tajam terhadap dakwaan-dakwaan yang membentukkan asas tuduhan mendedahkan bahawa tiada tuduhan yang boleh dibicara di sisi undang-undang dibuat untuk Tun Salleh menjawab, dan maka, penarikan dirinya daripada Tribunal siasatan ini tidak memberikan kesan buruk terhadapnya. Penekanan tribunal terhadap kegagalan oleh Tun Salleh untuk memberi penjelasannya adalah salah.

### **Keputusan dan Kesimpulan Tribunal Pertama**

- 11.1 Peristiwa-peristiwa latarbelakang adalah relevan untuk menghakimi tindakan oleh Tun Salleh yang menjadi asas tuduhan-tuduhan yang dikemukakan terhadapnya. Kewajipan hakim-hakim, khususnya ketua badan kehakiman untuk mengambil langkah demi mempertahankan peranan, kedudukan dan kebebasan badan kehakiman juga penting. Aspek-aspek ini berhubung dengan isu niat yang tidak wajar yang diperlukan untuk membentuk ‘salah laku kehakiman’. Oleh demikian, isu yang sebenarnya ialah: adakah tindakan yang dikatakan dilakukan oleh Tun Salleh, mengambilkira latarbelakang kes ini, boleh dimaksudkan sebagai ‘salah laku kehakiman’, dan tidak dilakukan oleh Tun Salleh dalam perlaksanaan

tugasnya sebagai Ketua Hakim Negara? Niat yang tidak wajar atau unsur mental bagi perbuatan yang di lakukan oleh Tun Salleh merupakan isi utama untuk menafikan kepada beliau, pembelaan yang beliau melakukan tindakan-tindakan tersebut sempena menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang jawatan.

- 11.2 Dalam buku '*Judges on Trial*' oleh Shimon Shetreet, 1976 Edisi halaman 347, di bawah tajuk 'Judicial Lobbying', soalan ditanya :

"Bolehkah hakim-hakim megambil langkah-langkah untuk mempertahankan kebebasan kehakiman jika mereka percaya ia diganggu oleh pihak Eksekutif atau Badan Legislatif? Apakah cara-cara yang boleh diterima bagi maksud ini?... Setakat mana dan bagaimana seorang hakim menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadapnya di Parlimen?"

[“*Can judges take steps to defend judicial independence if they believe it to be assailed by the executive or the legislature? What means are acceptable for the purpose?...To what extent and how may a judge reply to charges made against him in Parliament?*”]

Pengarang terus memberi jawapan di halaman 348 – 350 seperti berikut:-

"...sekiranya pihak Eksekutif gagal mengambil sebuah langkah yang perlu demi kepentingan hakim-hakim, hakim-hakim akan membuat perwakilan melalui 'Lord Chancellor' untuk menggesa pembetulan yang wajar."

[“...if the executive fails to take a step necessary for the interests of the judges, the judges will make representation through the Lord Chancellor, pressing for an appropriate remedy.”]

Dalam percubaan untuk mempertahankan gaji mereka, hakim-hakim didapati tidak bersalah kerana membantah pengurangan gaji,

"dalam temubual dengan Perdana Menteri dan 'Lord Chancellor' dan melalui memorandum bersama, mereka berhujah bahawa pengurangan gaji tersebut akan mengganggu kebebasan badan kehakiman."

*“Semasa perbahasan mengenai kenaikan gaji kehakiman pada 1965, adalah didakwa bahawa hakim-hakim telah mendesak ‘Lord Chancellor’ untuk mengambil langkah yang perlu bagi menaikkan gaji kehakiman, dan bahawa ‘Lord Chancellor’ pula mendesak kerajaan untuk meluluskan cadangan kenaikan gaji tanpa pindaan”.*

*[“in interviews with the Prime Minister and the Lord Chancellor and in a collective memorandum they argued that such reduction would interfere with the independence of the Judiciary.”*

*“In the course of debates on the increase of judicial salaries in 1965, it was alleged that judges exerted pressure on the Lord Chancellor to take the necessary steps for increasing judicial salaries, and that the Lord Chancellor, in turn, exerted pressure on the government to pass the proposed increases unchanged”.]*

- 11.3 Adalah diterima bahawa “*hakim-hakim tidak menganggap diri mereka dilarang daripada mengambil tindakan, secara umum, jika perlu, untuk mempertahankan gaji mereka.*” Jika hakim-hakim dibenarkan untuk melindungi kepentingan persendirian mereka, kenapa pula tidak boleh membuat pendirian awam untuk mempertahankan peranan dan kebebasan institusi – badan kehakiman di bawah Perlembagaan?

Shimon Shetreet mengembangkan perkara ini. ‘Law Lords’ mempunyai asas untuk membantah dengan kuat “*perundangan dan langkah yang lain yang dipercayai sebagai pencerobohan eksekutif atas kebebasan hakim-hakim atau kedaulatan undang-undang*”.

Satu contoh yang disebut berkenaan dengan Hakim McCardie yang memberi jawapan dalam satu syarahan di Middle Temple, semasa membalas kecaman yang dibuat terhadapnya di Parlimen oleh Perdana Menteri. Jawapan McCardie J. tidak menghasilkan sebarang ulasan yang kritis. Ini berlaku pada 1934. Kemudian, pada 1973, Sir John Donaldson, dalam ucapan umum, mempertahankan keputusan mahkamahnya yang sebelum ini dikritik hebat. Tindakan beliau ini dikritikkan di Parlimen, tetapi Perdana Menteri mempertahankan hakim tersebut dan berkata, “*dia berhak untuk menyampaikan*

*kenyataan kepada orang awam*”, dan dia tidak melihat apa-apa kesalahan dengan cara yang digunakan oleh hakim itu.

- 11.4 Didalam contoh-contoh di atas, tidak timbul sebarang bisikan oleh sesiapa pun untuk menyalahkan hakim berkenaan kerana ‘salah tingkah laku kehakiman’.
- 11.5 Ini adalah kedudukan undang-undang yang diputuskan pada tahun 1988 apabila tuduhan-tuduhan dilemparkan dan penyiasatan dijalankan oleh tribunal. Kewajipan tribunal adalah untuk menerima pakai undang-undang yang telah diputuskan berkenaan dengan perkara tersebut. Dengan hormatnya, Tribunal Pertama telah gagal menangani isu sebenar dan tidak mempedulikan undang-undang sahih untuk tujuan keputusan di bawah Perkara 125. Hasilnya ialah suatu keputusan olehnya yang bercanggah dengan undang-undang dan tidak berasas.
- 11.6 Laporan Tribunal Pertama bermula dengan bab 1 yang mengandungi mukaddimah mengenai penubuhan tribunal, dan meneruskan dalam bab 2 dengan menceritakan mengenai ‘kenyataan latarbelakang’ yang bermula dengan surat bertarikh 26 Mac 1988 oleh Tun Salleh kepada DYMM Yang DiPertuan Agong dan Yang Mulia Raja-Raja. Selepas itu, ia menyebut tentang pertemuan Perdana Menteri menghadap DYMM Yang DiPertuan Agong pada 1 May 1988 yang membawa kepada permulaan tindakan untuk menubuhkan sebuah tribunal di bawah Perkara 125(3) dan (4) selepas perundingan dengan Peguam Negara. Adalah jelas bahawa surat bertarikh 26 Mac 1988 merupakan titik pergelakan, dan semua dakwaan yang lain yang membentukkan beberapa tuduhan ditambah untuk memperkuatkannya tuduhan utama berdasarkan surat ini. Pada keseluruhannya, ada sebanyak 5 tuduhan termasuk satu yang dibuat selepas penggantungan Tun Salleh berdasarkan pernyataan-pernyataan tertentu kepada media yang merujuk kepada tawarannya untuk bersara awal yang ditarik balik.

## **Kewajaran tuduhan-tuduhan dan keputusan-keputusan**

- 12.1 Adalah wajar bahawa surat bertarikh 26 May 1988 yang mencetuskan tindakan untuk pemecatan dipertimbangkan dahulu. Berikut ini adalah pertimbangan tindakan-tindakan yang lain oleh Tun Salleh dan tuduhan-tuduhan yang berdasarkan tindakan-tindakannya tersebut.

### **Tuduhan No. 4**

- 12.2 Surat bertarikh 26 Mac 1988 ditulis oleh Tun Salleh selaku ketua badan kehakiman kepada ketua Negara selepas mesyuarat yang dihadiri oleh hakim-hakim Kuala Lumpur pada hari sebelumnya di mana telah diputuskan bahawa beliau mengirim sepucuk surat menyatakan kebimbangan mengenai serangan-serangan dan kecemanan oleh Perdana Menteri terhadap badan kehakiman. Tiada sebarang bantahan dinyatakan dari mana-mana hakim yang hadir di mesyuarat termasuk Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar yang kemudian mempergerusikan tribunal. Satu jawatankuasa yang dianggotai 3 hakim yang dicalonkan untuk tujuan ini membantu dalam menyediakan surat tersebut. Ini menunjukkan ketelitian, waspada dan kebijaksanaan bersama oleh hakim-hakim yang hadir yang menyempurnakan deraf surat tersebut. Surat ini dilampirkan dalam Lampiran 2, halaman 112 lapuran tribunal.
- 12.3 Soalannya adalah sama ada kandungan surat atau pengajuannya kepada DYMM Yang DiPertuan Agong dan Yang Mulia Raja-Raja boleh dimaksudkan sebagai ‘salah laku kehakiman’?
- 12.4 Dari mula lagi, surat menyatakan bahawa ia dihantar bagi pihak hakim-hakim supaya mereka dapat meluahkan perasaan berkenaan dengan perkembangan berkenaan hubungan antara pihak eksekutif dan badan kehakiman. Surat tersebut menambah bahawa badan kehakiman kecewa dengan ulasan-ulasan dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Perdana Menteri terhadap badan kehakiman, di

dalam dan juga di luar Parlimen. Kenyataan-kenyataan ini disokong oleh fakta-fakta yang tidak dipertikai dan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum mesyuarat hakim-hakim pada 25 Mac 1988 yang dipanggil atas desakan Hakim Abdul Razak, dan keputusan yang dibuat di mesyuarat itu. Penilaian objektif mengenai bahagian surat tersebut tidak boleh menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak menyenangkan. Surat tersebut berakhir dengan harapan “*agar segala tuduhan yang tidak berasas dapat dihentikan*”. Ia merupakan sesuatu permintaan yang penuh takzim dan hormat kepada Ketua Negera untuk Baginda campur tangan bagi tujuan menghentikan bidasan terhadap badan kehakiman oleh pihak eksekutif. Ini adalah untuk melindungi kehormatan badan kehakiman.

- 12.5 Di antaranya, surat tersebut menyatakan bahawa oleh kerana mereka adalah hakim, maka mereka enggan menjawab secara umum bidasan oleh pihak eksekutif terhadap badan kehakiman, kerana adalah perlu diingat bahawa hakim-hakim mempunyai kewajipan ‘*untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan*’. Surat tersebut menyatakan bahawa tuduhan-tuduhan dan ulasan-ulasan telah memalukan dan mengganggu hakim-hakim dari segi mental sehingga mereka ‘*tidak dapat menjalankan tugas-tugas kami dengan teratur dan wajar*’, yang pada hakikatnya bermaksud ia akan mengganggu perlaksanaan tugas-tugas mereka. Sebab yang dinyatakan ialah kurangnya penghargaan terhadap peranan badan kehakiman di bawah Perlembagaan yang boleh menyebabkan rakyat akan memandang rendah terhadap badan kehakiman kerana pendirian pihak eksekutif.
- 12.6 Kesimpulan bahawa salinan surat kepada Yang Mulia Raja-Raja Melayu mungkin menyebabkan perselisihan faham antara Raja-Raja dan Perdana Menteri adalah salah anggap. Ia tidak memberi kesan yang sedemikian. Raja-Raja juga mengambil berat tentang sistem pemerintahan dan penglibatan mereka tidak boleh dilihat sebagai campur tangan dari luar. Pada halnya, ia memberi kesan yang positif kerana menggalakkan Raja-Raja supaya campur tangan dalam usaha menenangkan krisis ini. Peristiwa-peristiwa latar belakang menunjukkan tidak

wujudnya pembohongan dan juga pemutar-belitan terhadap kenyataan penting dalam surat tersebut. Rujukan kepada ‘*semua hakim*’ hanya bermakna kiasan dan bukan erti sebenar memandangkan bahawa Ketua Hakim Negara adalah ketua yang berhak untuk bercakap bagi pihak semua hakim, dan semua hakim Kuala Lumpur telah hadir di mesyuarat. Sebarang perbuatan meremehkan ungkapan merupakan satu helah untuk menyerang Ketua Hakim Negara.

- 12.7 Ucapan dan bahasa surat yang penuh dengan hormat sepatutnya dihargai dan bukan menjemput kemarahan. Ia merupakan suatu percubaan yang jelas untuk mengelak peningkatan serangan yang sebarangan oleh pihak eksekutif yang dipimpin oleh Perdana Menteri terhadap badan kehakiman, yang boleh menjelaskan sistem pemerintahan dan kredibiliti institusi-institusi kebangsaan. Ia juga merupakan sesuatu rayuan yang tulus ikhlas oleh ketua badan kehakiman kepada Ketua Negera atas permintaan para hakim-hakim yang berasa gusar bagi tujuan menenangkan mereka dan bagi mengelakkan pertentangan yang berkemungkinan, dan untuk memperingatkan Ketua Negara tentang kedudukan badan kehakiman di bawah Perlembagaan. Tindakan yang bijaksana oleh Ketua Hakim Negara sepatut dihargai dan bukan dikutuk sebagai ‘*salah laku kehakiman*’.
- 12.8 Perbincangan tadi berkenaan dengan maksud ‘*salah laku kehakiman*’ menunjukkan dengan jelas bahawa surat daripada Tun Salleh sebenarnya tidak membawa maksud tersebut, untuk memberi asas kepada permulaan prosiding untuk memecat Tun Salleh di bawah Perkara 125. Dengan menulis surat ini, Tun Salleh telah menjalankan kewajipan utamanya selaku Ketua Hakim Negara bagi tujuan mengelakkan kehakisan peranan dan kebebasan badan kehakiman.
- 12.9 Adalah membingungkan dan malang sekali, yang tribunal kehakiman tidak memikirkan sedemikian dan mengambil pendirian yang bercanggah dengan undang-undang yang telah diputuskan berkenaan dengan perkara ini. Pada pendapat kami, secara ironisnya, kegagalan Tun Salleh untuk bertindak secara ini

dalam situasi yang wujud boleh dipersoalkan sebagai kegagalan beliau dalam menjalankan kewajipannya.

- 12.10 Kami tidak sedar akan mana-mana kejadian di mana langkah serupa yang diambil oleh ketua badan kehakiman dalam suatu negara yang ditadbirkan oleh kedaulatan undang-undang untuk melindungi badan kehakiman bukan sahaja dikutuk, apa lagi dihukum. Tribunal juga tidak merujuk kepada sebarang nas terdahulu yang sedemikian. Tuduhan yang berdasarkan surat yang bertarikh 25 Mac 1988 tidak boleh dikekalkan. Pada halnya, ia tidak membentuk tuduhan yang boleh dibicarakan. Permulaan tindakan untuk pemecatan atas dasar ini, adalah malang untuk badan kehakiman dan negara.

### **Tuduhan No. 5**

- 13.1 Surat-surat yang bertarikh 28 May 1988 dan 29 May 1988 serta kenyataan-kenyataan tertentu oleh Tun Salleh kepada media selepas pemecatannya menjadi dasar tuduhan ini. Isunya adalah berkenaan dengan kesan perundangan terhadap dua pucuk surat ini serta pernyataan-pernyataan kepada media. Surat-surat tersebut dipertimbangkan dahulu.
- 13.2 Pada 27 May 1988 Tun Salleh diarah menemui Perdana Menteri yang memaklumkan kepadanya tentang kemurkaan DYMM Yang DiPertuan Agong terhadap Tun Salleh kerana suratnya yang bertarikh 26 Mac 1988, serta penggantungannya dari jawatan dengan penubuhan tribunal di bawah Perkara 125. Tindakan tiba-tiba ini yang berlaku dua bulan selepas surat tersebut adalah luarbiasa dan nampaknya sesuatu yang difikirkan kemudian memandangkan peristiwa-peristiwa yang berselang. Pada kesokan harinya, 28 May 1988, Tun Salleh menulis sepucuk surat (Lampiran 6 kepada laporan, halaman 116) kepada Perdana Menteri, seperti berikut:

*“Untuk mengelakkan perasaan malu seluruhnya saya telah mempertimbangkan semula perkara ini dan saya telah memutuskan bahawa adalah lebih baik demi kepentingan pihak umum agar saya bersara dengan serta-merta selepas mengambil segala cuti yang layak diberi kepada saya, iaitu 96 hari dan cuti akan bermula dari hari ini”.*

[“To avoid embarrassment all round I have reconsidered the matter and I have decided that it is better in the public interest for me to retire immediately after taking all leave due to me, that is 96 days and the leave is to commence from today”.]

Tawaran Tun Salleh adalah untuk bersara selepas penamatan cuti selama 96 hari yang bermula dari 28 May 1988, tarikh surat tersebut.

- 13.3 Perdana Menteri membalas pada hari yang sama, 28 May (Lampiran 7, halaman 117 laporan) seperti berikut:

*“Saya tiada bantahan terhadap YAA Tun untuk mengambil segala cuti yang layak diberi kepada YAA Tun sebelum tarikh persaraan; iaitu 96 hari dari hari ini.*

*Berkenaan dengan persaraan YAA Tun daripada jawatan Ketua Hakim Negara, tindakan yang sewajarnya akan diambil mengikut tatacara yang diamalkan.”*

*[“I have no objection for YAA Tun to take all leave due to you prior to your retirement; that is 96 days from today.*

*With regard to your retirement from the post of the Lord President, appropriate action will be taken in accordance with the procedure that is being practised.”]*

- 13.4 Walaubagaimana pun, sebelum berkuatkuasa tarikh persaraan selepas penamatan selama 96 hari dari 28 May 1988, Tun Salleh memikirkan semula perkara ini, dan hari esoknya, 29 May, beliau menulis sepucuk surat (Lampiran 8, halaman 118 laporan) kepada Perdana Menteri memaklumkan bahawa beliau ingin menarik balik tawarannya untuk bersara awal. Beliau menulis di dalamnya bahawa tawaran untuk persaraan awal adalah dilakukan secara terkejut, setelah diberitahu secara tiba-tiba pada hari kelmarin tentang tindakan di bawah Perkara 125, tetapi

selepas berfikir dengan lebih dalam, beliau berpendapat bahawa persaraan awal akan menjelaskan kepentingan kebangsaan dan mungkin disalah tafsirkan sebagai suatu bentuk pengakuan olehnya.

Bahagian surat yang berkaitan adalah:-

*“Selepas berfikir dengan berhati-hati saya membuat kesimpulan bahawa persaraan awal saya akan menjelaskan kedudukan badan kehakiman and juga agak bertentangan dengan kepentingan negara oleh kerana ia boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk pengakuan oleh saya.*

*Oleh yang demikian, saya ingin menarik balik permohonan untuk persaraan awal serta mengambil cuti yang ada seperimana tersebut di dalam surat saya.”*

*[“On careful reflection I have now come to the conclusion that it would be detrimental to the standing of the judiciary and quite adverse to the interest of the nation if I were to go on early retirement as this could be construed as some form of admission.”]*

- 13.5 Hal keadaan dan konteks dalam surat-surat yang ditulis oleh Tun Salleh menunjukkan suatu jawab balas oleh seorang pegawai perlumbagaan yang bermaruah dan bukan oleh seorang hakim yang mudah berubah-ubah pendiriannya. Tiada kesimpulan yang sah bahawa dia tidak mampu menjalankan tugasnya sebagai hakim boleh dibuat berdasarkan surat tersebut, seperti yang didakwa dan diterima oleh Tribunal Pendapat yang bertentangan akan menghasilkan sesuatu keputusan yang pelik bahawa seorang hakim tidak boleh menarik balik tawarannya untuk bersara atau meletak jawatan sebelum tarikh berkuatkuasa, walaupun ini dibenarkan di sisi undang-undang. Itu akan bercanggah dengan undang-undang berkenaan dengan perkara ini.
- 13.6 Untuk memberi kesan perundangan kepada kedua-dua surat, hanya Perkara 125(2) ada kaitan. Ia memperuntukkan dua cara untuk menamatkan tempoh perkhidmatan sahaja: melalui perletakan jawatan oleh hakim mengikut cara yang ditetapkan; atau melalui pemecatan mengikut peruntukan-peruntukan Perkara yang berikut.

- 13.7 Tawaran untuk bersara awal boleh dikaitkan dengan cara pertama untuk penamatan sahaja. *Ex facie*, ia tidak berkesan sebagai perletakan jawatan oleh kerana ia tidak menyatakan sedemikian, dan juga tidak memuaskan sebarang kehendak di bawah Perkara 125(2). Oleh itu, tawaran Tun Salleh tersebut tidak dianggap sebagai perletakan jawatan; ia tidak ditujukan kepada DYMM Yang DiPertuan Agong sepertimana dikehendaki oleh peruntukkan perlembagaan; dan ia ditarik balik sehari kemudian, sebelum tarikh berkuatkuasa, 96 hari kemudian. Mana-mana satu kenyataan ini mencukupi untuk mengecualikan tawaran untuk persaraan awal yang terkandung dalam surat bertarikh 28 May 1988. Tiada apa-apa peruntukkan yang lain di bawah Perlembagaan ataupun undang-undang yang boleh memberi kesan undang-undang. Penarikan balik tawaran untuk bersara awal oleh Tun Salleh tidak ada kaitan dengan apa-apa tuduhan yang dilemparkan terhadapnya. Ia merupakan hal keadaan dari luar yang patut diketepikan daripada pertimbangan oleh tribunal.
- 13.8 Undang-undang yang telah diputuskan berkenaan dengan isu perletakan jawatan oleh seorang hakim di bawah peruntukan yang demikian, tidak memerlukan penerimaan oleh sesiapa pun oleh kerana pada keseluruhannya, ia merupakan sesuatu tindakan oleh seorang hakim sebagai satu pihak yang juga boleh memilih tarikh berkuatkuasa. Adalah terbuka kepada hakim untuk menarik balik perletakan jawatannya sebelum tarikh berkuatkuasa dan untuk mentaksahkannya.
- 13.9 Dalam Perlembagaan India, peruntukkan untuk penamatan tempoh perkhidmatan seorang hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi melalui perletakan jawatan adalah sama:-

*“seorang hakim boleh, secara bertulisan dengan tangannya sendiri dan dialamatkan kepada Presiden, meletak jawatannya”.*

[“*a judge may, by writing under his hand addressed to the President, resign his office*”.]

Seorang hakim Mahkamah Tinggi mengemukakan perletakan jawatan dari satu tarikh yang akan datang, tetapi menarik baliknya sebelum tarikh berkuatkuasa. Soal keesahan berkenaan dengan perbuatan menarik balik dipertimbangkan dan diputuskan oleh Mahkamah Agung India dalam Union of India v. Gopal Chandra Misra, AIR 1978 SC 694. Penarikan balik didapati berkesan. Adalah diputuskan:

*“Pada bila-bila masa sebelum tarikh akhir tiba, hakim boleh menukar fikirannya dan memilih untuk tidak meletak jawatan dan menarik balik komunikasi...”*

*“Sebelum tibanya tarikh akan datang yang dinyatakan, ia tidak boleh bergerak, tidak boleh beroperasi dan tidak berkesan sama sekali, dan pada halnya, tidak ada apa-apa kesan undang-undang...”*

*[“At any time before the deadline was reached the judge could change his mind and choose not to resign and withdraw the communication...”...]*

*“Before the arrival of the indicated future date, it was wholly inert, inoperative and ineffective, and could not, and in fact did not, cause any jural effect...”]*

- 13.10 Dengan demikian, tawaran persaraan awal yang tidak berkesan oleh Tun Salleh tiada kaitan dan berada di luar prosiding untuk pemecatan yang di hadapan tribunal. Tidak ada pendapat yang munasabah yang boleh menganggap bahawa ianya ada kaitan dalam prosiding.
- 13.11 Bahagian lain dalam tuduhan berdasarkan temubual yang diberi oleh Tun Salleh kepada BBC pada 29 May 1988 yang juga diterbitkan dalam media cetak mana beliau menyatakan bahawa dirinya dipecat dari jawatannya dengan tidak adil atas alasan berat sebelah dalam kes-kes yang melibatkan UMNO. Pernyataan-pernyataannya mendesak agar perbicaraannya dijalankan oleh rakan setara yang dihormati, pendengaran prosiding secara terbuka dan cepat, dan penafian gambaran berat sebelah, didakwa mempolitikkan keseluruhan isu.

- 13.12 Tribunal memutuskan bahawa tiada asas untuk membolehkan Tun Salleh membuat pernyataan-pernyataan ini, dan tindakan ini tidak sejajar dengan maruah jawatannya.
- 13.13 Tiada keraguan bahawa Tun Salleh mempunyai hak untuk mempertahankan dirinya sendiri di dalam satu perbicaraan yang adil oleh sebuah tribunal saksama yang dihormati yang sejajar dengan kedudukan jawatannya selaku Ketua Hakim Negara. Ini juga tersirat dalam Perkara 125(4). Permintaannya untuk dibenarkan sedemikian tidak boleh disalahkan. Kecelaan berkenaan keanggotaan tribunal kerana ‘bahaya berat sebelah yang nyata’ telah digambarkan tadi bersangkut dengan kes Pengerusi Tribunal dan dua ahli. Peristiwa-peristiwa latar belakang menunjukkan sesuatu perhubungan yang jelas antara suasana yang wujud dengan kekhuitiran yang benar-benar dirasa oleh Tun Salleh yang menimbulkan keperluan untuk permintaan-permintaan ini. Walau begitu, adalah tidak wajar untuk menganggap permintaan-permintaan tersebut sebagai perbuatan salah laku kehakiman. Keanggotaan tribunal untuk tujuan pemecatan diketahui secara umum. Kenapa bantahan dibuat terhadap publisiti mengenai permintaan-permintaan untuk dibenarkan sesuatu perbicaraan yang adil dan saksama? Sebagai perkara tuduhan, ianya jelas terkhilaf.

### **Tuduhan No. 3**

- 14.1 Asas tuduhan ini adalah penangguhan *sine die* kes CA No. 220/1986 – *Teoh Eng Huat v. Kadhi Pasir Mas*<sup>1</sup> yang merupakan rayuan kepada Mahkamah Agung daripada keputusan Mahkamah Tinggi yang melibatkan isu pemilihan agama oleh seorang yang bawah umur yang didakwa dibuat oleh Tun Salleh atas pertimbangan yang tidak wajar.

---

<sup>1</sup> The judgment of Abdul Malek J in the High Court is contained in Annexure 26 of the report of the First Tribunal. The case concerned a 17-year-old Malaysian Chinese girl who was converted to Islam without parental consent in the State of Kelantan. The application was made by the girl’s father for a declaration that he, as the father and lawful guardian, had the right to decide her religion, education and upbringing and for further consequential relief. It was not contended that this was a case of forced conversion. The judge while upholding the father’s right to decide on her education and upbringing until she attained majority subject to the condition that it does not conflict with the principles of his daughter’s own choice of religion, held that the plaintiff did not have a right to decide on his daughter’s religion because she was at the time of her conversion a major according to Hukum Syara.

- 14.2 Tribunal memutuskan bahawa “*kesan daripada perintah ini menyebabkan perayu tidak dapat meneruskan rayuannya dan oleh yang demikian tidak dapat memperolehi relif yang dituntut olehnya.*” Ia menyimpulkan, berdasarkan pada latar belakang pandangan yang dinyatakan oleh Tun Salleh, bahawa perintah *sine die* dibuat atas pertimbangan yang tidak wajar.
- 14.3 Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang dicatitkan di dalam perintah tribunal, kesimpulan ini tidak boleh dikekalkan. Rujukan kepada (Lampiran 24, halaman 153 laporan), surat bertarikh 23 Julai 1987 daripada peguam bagi pihak Perayu kepada Pendaftar Kanan, Mahkamah Agung sahaja yang cukup untuk mentidakkan dakwaan dan mecacatkan keputusan tribunal. Nota dalam dokumen ini (Lampiran 24, halaman 153 laporan) membaca:

*“...Di dalam surat ini, peguam bagi pihak Perayu memohon untuk penangguhan pendengaran rayuan sambil menantikan satu permohonan untuk kebenaran di buat di bawah seksyen 68(2) Akta Mahkamah Kehakiman, 1964. Ketua Hakim Negara mencatit satu nota dalam surat ini yang dialamatkan kepada Ketua Pendaftar di mana dia memohon agar Ketua Pendaftar dapat menangguhkan kes ini sine die.”*

[“...In this letter Counsel for the appellant requested for a postponement of the hearing of the appeal pending an application for leave to be made under section 68(2) of the Courts of Judicature Act, 1964. The Lord President minuted a note in this letter addressed to the Chief Registrar requesting the Chief Registrar to adjourn the case sine die”.]

Ketua Pendaftar, Encik Haidar bin Mohd. Noor telah mengesahkan kenyataan ini.

- 14.4 Bagaimana tindakan Ketua Hakim Negara yang membenarkan permohonan untuk penangguhan rayuan yang dibuat oleh peguam bagi pihak Perayu boleh dikatakan telah mengakibatkan mudarat terhadap hak atau kepentingan Perayu tidak masuk akal. Permohonan yang dibuat bertujuan untuk menangguh rayuan dan mendengarnya hanya selepas keputusan dibuat terhadap satu permohonan lain yang akan dibuat kemudian. Tarikh memfail permohonan yang akan datang

belum tentu, tiada sesiapa pun yang boleh memberi tarikh yang tetap untuk pendengaran rayuan ini. Satu sahaja jalan yang munasabah sambil membenarkan permohonan Perayu untuk penangguhan adalah untuk menangguh pendengaran rayuan yang dinantikan *sine die* untuk membolehkan Perayu menyebutnya bagi tujuan pendengaran selepas permohonan yang dicadangkan difaiklan dan diputuskan. Inilah yang dibuat oleh Tun Salleh.

- 14.5 Tindakan yang diambil oleh Tun Salleh merupakan tindakan harian dalam keadaan sedemikian, yang biasa diketahui oleh semua hakim. Meletakkan tanggungjawab kerana membuat perintah tersebut tanpa pertimbangan yang wajar adalah remeh. Tuduhan tidak boleh dikekalkan.

#### **Tuduhan No. 1**

- 15.1 Tuduhan ini berdasarkan kepada ucapan (Lampiran, A halaman 168-172 laporan) oleh Tun Salleh pada 1 Ogos 1987 di Universiti Malaya di mana dia didakwa mengkritik kerajaan dan menunjukkan sikap prejedis dan berat sebelah terhadap kerajaan. Butir-butir ucapan yang dianggap tidak menyenangkan disebut dalam perintah tribunal.
- 15.2 Ucapan, seperti dokumen yang lain, mestilah dibaca secara keseluruhannya dan ditafsirkan dalam konteks yang dibuat. Ini adalah ucapan penerimaan berkenaan dengan penganugerahan ijazah kedoktoran atas Tun Salleh di Konvoksyen Universiti. Para hadirin terdiri pada dasarnya, kumpulan belia, kebanyakannya yang mendapat ijazah. Ucapan tersebut mengandungi nasihat kepada belia. Bila dibaca sedemikian, kesimpulan daripadanya yang menjadi asas tuduhan tidak boleh diterima.
- 15.3 Penekanan ucapan ditujukan kepada pembinaan negara. Dua strategi disebut: kebolehpercayaan generasi muda atau belia; dan hukuman bersandarkan undang-undang, jika perlu untuk mencapai kebolehpercayaan. Untuk tujuan ini,

penekanan dibuat atas perkukuhan jentera keadilan. Menghuraikan fikiran ini dengan lebih lanjut, perlunya bagi badan kehakiman mempunyai kuasa kewangan yang bebas ditekankan. Dalam konteks ini, pentingnya badan jika dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain ditekankan. Betapa pentingnya mahkamah-mahkamah menjunjung kedaulatan undang-undang untuk membolehkan pentadbiran yang baik juga ditekankan dalam konteks ini. Secara ringkas, tema ucapan adalah bahawa badan kehakiman menjalankan tugas penting atau utama dan ini patut diberi keutamaan dan bukan tugas-tugas yang tidak berapa penting atau kebajikan dalam negara. Terdapat juga penggesaan kepada semua pegawai awam agar bekerja demi kepentingan awam kerana negara ditadbirkan oleh kedaulatan undang-undang dan keadilan yang dijelma dalam Perlembagaan.

- 15.4 Adalah sukar untuk berjumpa dengan alasan yang sah untuk mengkritik ucapan ini, dalam kandungannya ataupun kesannya atas para hadirin.
- 15.5 Satu penggesaan kepada pegawai kerajaan agar bekerja keras untuk menggalakkan kepentingan awam dan untuk menjunjung kedaulatan undang-undang dan kebebasan badan kehakiman tidak boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan mudarat dan berat sebelah terhadap kerajaan. Adalah selamat jika dianggap bahawa kerajaan juga mempunyai perspektif yang sama mengenai perkhidmatan awam dan komitmennya kepada kedaulatan undang-undang.
- 15.6 Adalah penting juga untuk diperhatikan bahawa ucapan ini tidak dianggap memudaraskan atau menyakitkan hati walaupun dibuat pada 1 Ogos 1987 selama hampir setahun sehingga May/Jun 1988 apabila tindakan untuk pemecatan dimulakan. Nampak dengan jelas bahawa menggunakan ucapan ini sebagai salah satu asa kepada pertuduhan telah difikirkan kemudian ("after thought") kerana peristiwa-peristiwa yang berselang yang membawa kepada bantahan oleh badan kehakiman melalui surat yang bertarikh 26 Mac 1988 terhadap bidasan pihak eksekutif.

- 15.7 Tuduhan ini juga tidak boleh dipertahankan.

### **Tuduhan No. 2**

- 16.1 Asas tuduhan ini berdasarkan kepada ucapan lain yang dibuat pada 12 Januari 1988 (Lampiran B, halaman 173-177 laporan) oleh Tun Salleh di pelancaran buku yang didakwa mencemarkan nama baik kerajaan.
- 16.2 Dakwaan dibuat dalam dua bahagian. Satu daripadanya, dikatakan mengkritik kerajaan, dan yang lain mengenai satu percubaan untuk menyatakan semula undang-undang mengikut prinsip perundangan Islam yang tidak megambil kira masyarakat Malaysia yang majmuk
- 16.3 Tribunal menyimpulkan bahawa selepas pertimbangan ucapan tersebut, *Tun Salleh telah bertindak secara tidak wajar bagi sebuah badan kehakiman di sebuah negara seperti Malaysia.*" Persoalan ialah: semasa membuat ucapan, adakah kelakuan Tun Salleh tidak wajar bagi badan kehakiman dan jawatan Ketua Hakim Negara? Sepertimana dikatakan sebelum ini, ucapan perlu dibaca secara keseluruhannya, dan difahamkan di dalam konteks ianya dibuat.
- 16.4 Ucapan dibuat sempena pelancaran buku – '*Law, Justice and the Judiciary: Transnational Trends*' oleh DYMM Sultan Perak. Buku itu adalah hasil kumpulan kertas-kertas dan ucapan-ucapan yang dibuat dalam dua persidangan antarabangsa yang dihadiri oleh 97 orang hakim, 46 daripada mereka adalah Hakim Besar. Jelasnya, tiada sesiapa yang hadir pada ketika majlis pelancaran itu menganggap mana-mana bahagian ucapan tersebut sebagai tidak menyenangkan.
- 16.5 Dalam konteks tema arah antara negara, ucapan menyatakan: "*dalam sistem demokratik, badan kehakiman memainkan peranan yang penting kerana ia diterima sebagai pelindung Perlembagaan yang diiktiraf.*" Dengan terang,

pernyataan ini tidak boleh disalahkan. Kemudiannya, ia menekankan tugas sulit yang dihadapi oleh badan kehakiman di mana-mana negara demi mengekalkan keberkecualian dan kebebasan, dan menambah, “*ia juga perlu mengambil kira kepentingan awam yang bercanggah agar tugas kerajaan tidak terlalu diganggu oleh litigasi di mana ia menjadi pihak.*” Terdapat sebutan khusus mengenai perlunya bagi badan kehakiman memastikan kerajaan bertugas tanpa gangguan dengan menghasilkan keseimbangan yang wajar.

- 16.6 Lanjutan, sebutan dibuat bahawa perlu mempunyai kuasa kewangan dalam konteks “*badan kehakiman adalah cabang yang terlemah dalam kerajaan.*” Mana-mana penuntut undang-undang yang serius tahu bahawa tajuk buku oleh Alexander M. Bickel – ‘*The Least Dangerous Branch*’ (1963) berkenaan dengan perkara ini dipinjamkan daripada pernyataan oleh Alexander Hamilton dalam Federalist Ke-78, ‘*The Judges as Guardians of the Constitution*’ di mana dia menghuraikan badan kehakiman sebagai cabang yang terlemah dalam kerajaan kerana ia tidak mempunyai ‘*pedang*’ atau ‘*dompet*’. Pernyataan Alexander Hamiltan ini disebutkan di permulaan buku itu. Sebarang tuduhan salah laku berdasarkan pernyataan oleh Tun Salleh yang serupa boleh di ketawakan.
- 16.7 Salah satu pemerhatian daripada ucapan tersebut bahawa peranan utama mahkamah sebagai ajen kestabilan memerlukan hakim-hakim yang beramanah bermaksud bahawa badan kehakiman yang boleh dipercayai perlu di dalam sebuah Negara demokratik. Menyatakan bahawa peranan mahkamah adalah sebagai pentafsir Perlembagaan sama dengan menyatakan sesuatu yang nyata dan remeh.
- 16.8 Ucapan kemudiannya diteruskan dengan pemerhatian bahawa seberapa sempurna manapun Perlembagaan, keperluan untuk menafsirkannya senantiasa wujud, dan inilah tugas mahkamah. Bahagian kemudian ucapan tersebut yang berhubung dengan bahagian lain dalam tuduhan patut dibaca dalam konteks ini. Tidak harus

dilupakan bahawa ucapan ini mengenai tema ‘*arah antara negara*’ dan tidak dihadkan kepada satu negara sahaja, apa lagi Malaysia sendiri.

- 16.9 Bahagian akhir ucapan kemudian terus menyatakan “*Tiada gambaran yang lebih baik yang menunjukkan keperluan tafsiran sebagai sebahagian dari fungsi undang-undang apabila merujuk kepada system perundangan Islam.*” Rujukan kepada sistem perundangan Islam dibuat dalam konteks kaedah-kaedah tafsiran statut, dan bukan sebarang yang lain. Selepas merujuk kepada kaedah tafsiran undang-undang Islam, dia berkata, “*Oleh yang demikian, tiada sistem perundangan yang boleh lari daripada keperluan untuk tafsiran, tak mengira sistem perundangan yang datang dari Maha Esa ataupun sistem sekular, oleh kerana undang-undang merupakan konsep yang dibentuk oleh bahasa*”.
- 16.10 Ucapan diakhiri dengan pemerhatian bahawa pelancaran buku tersebut adalah wajar kerana buku ‘*membincangkan peranan mahkamah dan undang-undang dalam masyarakat yang sedang membangun*’. Tidak terkandung di dalamnya apa-apa yang boleh menyinggung perasaan masyarakat majmuk atau bertentangan dengan etos sekular. Kalaupun seseorang memegang pendapat yang berlainan tentang peranan mahkamah, pendapat yang dilahirkan dalam ucapan-ucapan Tun Salleh adalah konsisten dengan pendapat umum di negara-negara Komanwel dan tidak boleh dianggap sebagai tidak wajar atau perbuatan salah tingkahlaku.
- 16.11 Dengan hormatnya, kami terpaksa memerhati bahawa hanya satu taksiran yang tidak masuk akal tentang ucapan-ucapan ini yang mengorbankan keobjektifan boleh menonjolnya sebagai sesuatu yang tidak menyenangkan atau sebagai perbuatan ‘salah laku kehakiman’ yang tidak wajar bagi seorang hakim.

### **Kesimpulan**

- 17.1 Boleh dilihat bahawa tuduhan No. 1, 2, 3 dan 5 ditambah hanya untuk memperkuatkan tuduhan utama No. 4 berasaskan surat bertarikh 26 Mac 1988

yang dihantar dalam suasana sangat ketika itu. Tambahan pula, tuduhan No. 4 pun tidak boleh dipertahankan kerana sebab-sebab yang telah dinyatakan. Sesungguhnya tidak boleh difahami bagaimana sebuah tribunal kehakiman boleh menerima tuduhan-tuduhan ini sebagai telah dibuktikan.

- 17.2 Seperti ditunjukkan, tiada sebarang bahan yang menyakinkan wujud bagi membentukkan satu tuduhan yang boleh dibicarakan, dan tiada kes *prima facie* telah ditunjukkan di dalam prosiding di hadapan tribunal yang memerlukan penjelasan daripada Tun Salleh. Penekanan yang berulang-ulang oleh tribunal bahawa ketiadaan penjelasan daripada Tun Salleh akibat daripada tindakannya untuk menarik diri dari prosiding kerana tribunal menolak bantahannya adalah tersilap dan bercanggah dengan undang-undang. Oleh kerana tiadanya tuduhan yang boleh dibicarakan, dan tiada kes *prima facie* untuk dijawab oleh Tun Salleh, maka Tribunal Pertama seharusnya menolak tuduhan-tuduhan dan menutup prosiding tersebut tanpa memerlukan apa-apa penjelasan daripada Ketua Hakim Negara, Tun Salleh.
- 17.3 Kami terpaksa mengambil pendirian bahawa kesan muktamad daripada prosiding pemecatan Tun Salleh, memberi asas kepada bantahan-bantahan yang dibangkitkan oleh Tun Salleh dan menyokong pendapat bahawa kekhuitirannya kerana tidak dapat keadilan adalah benar dan berdasarkan alasan-alasan yang kukuh.

Bagi pihak Ketua Hakim Negara, Tun Salleh pula, peristiwa-peristiwa yang patut dihuraikan dengan lebih wajar sebagai ‘episod’, bermula bukan dari surat bertarikh 26 Mac 1988 yang dialamatkan oleh Ketua Hakim Negara kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong memandangkan bahawa ianya hanyalah sesuatu jawapan secara menyeluruh yang berasas kepada: (i) suatu temubual yang diberi oleh Perdana Menteri kepada Time Magazine bertarikh 24 November 1986; (ii) ucapan-ucapan oleh Perdana Menteri yang merendahkan badan kehakiman; (iii) jawab balas daripada Perdana Menteri kepada ucapan yang disampaikan oleh

Harun Hashim J, Hakim Mahkamah Tinggi pada masa itu di seminar undang-undang yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 September 1987; (iv) ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri pada 2 Oktober 1987 di Kota Bharu, Kelantan; (v) ucapan yang dibuat oleh Perdana Menteri di Parlimen pada 3 Disember 1987 ketika membahaskan Rang Undang-Undang (Pindaan) Percetakan Press dan Penerbitan 1987; dan akhirnya (vi) ucapan yang disampaikan oleh Perdana Menteri kini pada 18 Mac 1988 di Parlimen semasa membahaskan rang undang-undang untuk meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan.

Bolehlah diperhatikan bahawa kesemua kenyataan-kenyataan dan ucapan-ucapan yang dinyatakan di atas oleh Perdana Menteri merupakan serangan langsung yang dibuat tanpa rasa segan silu terhadap kedaulatan undang-undang dengan niat untuk menundukkan, kalau bukan memusnahkan, kebebasan badan kehakiman.

Berdasarkan keadaan-keadaan tersebut di atas, dan setelah memeriksa prosiding oleh Tribunal Pertama yang mendapati Ketua Hakim Negara, Tun Salleh bersalah atas tuduhan salah laku kehakiman, dll, kami berpendapat bahawa bukan sahaja Ketua Hakim Negara, Tun Salleh tidak bersalah sedikit pun dan tiada sebarang tuduhan terhadapnya mempunyai asas, tetapi sebenarnya, Ketua Hakim Negara, Tun Salleh telah menjalankan kewajipan perlembagaannya untuk menjunjung dan melindungi doktrin pemisahan kuasa dan kedaulatan undang-undang demi kepentingan negara yang lebih besar. Kesimpulan yang tidak dapat dielakkan, ialah pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh adalah *non est*.

### **Tribunal Kedua – Isu-Isu untuk Pertimbangan**

- 18.1 Tribunal Kedua adalah ekoran daripada Tribunal Pertama. Ia ditubuhkan bagi tujuan pemecatan 5 orang hakim Mahkamah Agung yang telah membenarkan penggantungan terhad pada 2 Julai 1988 untuk menghalang Tribunal Pertama daripada mengemukakan laporannya kepada DYMM Yang DiPertuan Agong

sementara menantikan cabaran atas keesahan Tribunal Pertama oleh Tun Salleh. Walaupun terdapatnya perintah penggantungan bertarikh 2 Julai 1988 yang hanya di ketepikan oleh Mahkamah Agung menerusi panel yang berbeza pada 22 Julai 1988, Tribunal Pertama yang dipengerusikan oleh Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar (yang juga Pemangku Ketua Hakim Negara) mengemukakan laporannya kepada DYMM Yang DiPertuan Agong pada 7 Julai 1988 untuk tujuan pemecatan Tun Salleh; dan sementara itu, pada 5 Julai, Tan Sri Dato Abdul Hamid Omar selaku Pemangku Ketua Hakim Negara, selepas rundingan dengan Perdana Menteri, membuat cadangan kepada DYMM Yang DiPertuan Agong untuk pemecatan 5 Hakim-Hakim Mahkamah Agung ini atas alasan salah laku kehakiman kerana membenarkan perintah bertarikh 2 Julai. Cadangan ini diterima pada hari yang sama oleh DYMM Yang DiPertuan Agong yang mengarahkan penubuhan Tribunal Kedua dan penggantungan hakim-hakim ini yang berkuatkuasa dari hari esoknya, 6 Julai 1988. Ini adalah asal usul Tribunal Kedua.

- 18.2 Fakta-fakta yang mustahak ada hanya beberapa. Selepas Tribunal Pertama menolak bantahan-bantahan Tun Salleh, beliau telah membuat satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi pada 28 Jun 1988 untuk perintah menghalang Tribunal Pertama daripada menjalankan penyiasatan dan mengemukakan laporannya. Tribunal Pertama menolak permohonan penangguhan untuk menantikan keputusan prosiding di Mahkamah Tinggi dan memulakan pendengaran pada 29 Jun 1988. Pada 1 Julai 1988 Ajaib Singh J. mendengar separuh jalan permohonan di Mahkamah Tinggi dan menangguhnya ke hari esok bila mana dia menangguhnya sekali lagi ke 4 Julai 1988 untuk memudahkan kehadiran Peguam Negara, dan enggan mengarahkan pengekalan status quo sementara itu. Tribunal Pertama, pada 30 Jun sementara itu, menyambung semula pendengaran dan menamatkannya pada petang yang sama.
- 18.3 Tujuan untuk menyegerakan pendengaran permohonan untuk penggantungan perintah kehakiman untuk menghalang Tribunal Pertama dari mengemukakan

lapurannya adalah jelas, dan kemungkinan untuk memfailkan satu permohonan ke Mahkamah Agung memang nyata. Tiga orang hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman, Datuk George Seah dan Dato' Harun Hashim telah dikehendaki oleh jadual yang dibuat terlebih dahulu untuk menganggotai korum bagi perbicaraan Mahkamah Agung di Kota Bharu, Kelantan pada 2 Julai 1988. Oleh itu, Datuk George Seah dan Dato' Harun Hashim telah berlepas ke Kota Bharu pada 1 Julai pagi. Tan Sri Wan Suleiman ialah hakim Mahkamah Agung yang terkanan selepas Tun Salleh, Tan Sri Hamid dan Tan Sri Lee Hun Hoe. Tan Sri Hamid dan Tan Sri Lee Hun Hoe, menganggotai Tribunal Pertama yang menyiasat tingkah laku terhadap Tun Salleh. Jelaslah, hakim yang terkanan selepas 3 hakim tersebut mempunyai sebab untuk percaya bahawa dalam keadaan yang wujud, dia dikehendaki menangani perkara di Mahkamah Agung berhubung dengan permohonan oleh Tun Salleh, jika Mahkamah Tinggi enggan membenarkan relif yang dituntut. Hakim yang bertanggungjawab bagi pendengaran di Mahkamah Agung dikehendaki bersedia untuk kemungkinan tersebut. Hakim tersebut itu adalah Tan Sri Wan Suleiman.

- 18.4 Dalam keadaan ini, Tan Sri Wan Suleiman memutuskan bahawa kerana mustahaknya perkara Tun Salleh, ianya memerlukan pendengaran oleh sekurang-kurangnya lima hakim Mahkamah Agung di Kuala Lumpur. Ini tidak berkemungkinan jika tiga hakim tersebut, termasuk dia sendiri, membicarakan kes di Kota Bharu pada 2 Julai. Atas sebab ini, Tan Sri Wan Suleiman membatalkan perjalanannya ke Kota Bharu pada 1 Julai, dan juga menalipon Datuk George Seah lewat hari itu untuk pulang ke Kuala Lumpur bersama Dato' Harun Hashim. Datuk George Seah pulang ke Kuala Lumpur petang itu, tetapi Dato' Harun Hashim menghubungi Tan Sri Abdul Hamid dan atas arahannya, tidak pulang ke Kuala Lumpur.
- 18.5 Oleh kerana Mahkamah Tinggi menangguh kes dari 2 Julai ke 4 Julai tanpa mengarahkan pengekalan status quo, peguam bagi Tun Salleh kemudiannya menghubungi Tan Sri Wan Suleiman pada 2 Julai dan memohon untuk

mendapatkan tarikh pendengaran segera bagi permohonan Tun Salleh di Mahkamah Agung pada hari yang sama. Keperluan untuk mendengar permohonan tersebut dengan segera adalah jelas dan nyata. Tan Sri Wan Suleiman, sebagai hakim yang terkanan mengadakan perbicaraan luarbiasa pada hari yang sama bertindak di bawah seksyen 9(1) Akta Mahkamah Kehakiman. Perbicaraan dibuat di hadapan panel yang terdiri dari 5 Hakim, iaitu, Tan Sri Wan Suleiman, Tan Sri Eusoffe, Datuk George Seah, Tan Sri Azmi dan Tan Sri Wan Hamzah. Anggota kehakiman ini membenarkan penggantungan terhad sehingga satu perintah dibuat selanjutnya.

- 18.6 Jentera untuk pemecatan hakim-hakim ini digerakkan dengan serta merta oleh Pemangku Ketua Hakim Negara dan Pengerusi Tribunal Pertama, iaitu Tan Sri Abdul Hamid Omar kerana pendengaran di Mahkamah Agung pada 2 Julai bertujuan untuk menghalang tribunalnya.
- 18.7 Tribunal Kedua yang ditubuhkan pada 12 Ogos 1988 dianggotai oleh yang berikut, iaitu:
  1. Tan Sri Hashim Sani, Hakim Mahkamah Agung, Malaysia, Pengerusi
  2. Hakim M. D. H. Fernando, Hakim Mahkamah Agung, Sri Lanka, Ahli
  3. Datuk Edgar Joseph Jr., Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya, Ahli
  4. Hakim P. Coomaraswamy, Hakim Mahkamah Tinggi, Singapura, Ahli
  5. Datuk Haji Mohd Eusoff, Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya, Ahli
  6. Dato Lamin Mohd Yunus, Hakim Mahkamah Tinggi, Malaya, Ahli
- 18.8 Di perbicaraan pertama oleh tribunal pada 29 Ogos, satu bantahan dibuat terhadap penyertaan Pengerusi, Tan Sri Hashim Yeop Sani atas alasan berat sebelah oleh kerana dia pernah menjadi ahli panel Mahkamah Agung yang mengetepikan perintah untuk penggantungan terhad pada 22 Julai yang dibuat oleh lima orang Hakim-Hakim yang disiasat. Tan Sri Hashim Sani menarik diri dari tribunal atas alasan ini, berbeza dengan Pengerusi Tribunal Pertama yang enggan menarik diri

walaupun tidak layak atas pelbagai alasan. Pada 1 September, Datuk Edgar Joseph Jr. mengambil alih sebagai Pengerusi, tanpa penambahan mana-mana ahli yang lain. Kecuali Hakim Fernando, Mahkamah Agung, Sri Lanka, empat hakim yang lain termasuk Pengerusi adalah Hakim Mahkamah Tinggi, tiada seorang pun berpangkat Ketua Hakim, walau pun mereka membicarakan lima hakim Mahkamah Agung berhubung dengan tugas pentadbiran seseorang Ketua Hakim atau atas ketidakhadirannya, hakim yang terkanan dalam mahkamah. Komposisi Tribunal ini juga mempersendakan keadilan.

- 18.9 Laporan Tribunal Kedua diterbitkan dalam [1989] 1 MLJ, halaman 393 hingga 520, bahagian 14 April 1989 dan 28 April 1989.

#### **Asas-Asas Tuduhan dan Keputusan**

- 19.1 Intipati tuduhan yang dilemparkan terhadap lima hakim adalah peristiwa-peristiwa yang berlaku pada 1 dan 2 Julai 1988 dengan pembatalan perbicaraan di Mahkamah Agung yang dijadualkan berlangsung di Kota Bharu pada 2 Julai, dan persidangan khas oleh Mahkamah Agung di Kuala Lumpur pada 2 Julai 1988 di mana perintah untuk penggantungan terhad dibuat oleh mereka.
- 19.2 Tribunal dengan jelas menyatakan, bahawa '*tidak ada konspirasi atau persetujuan awal dalam apa-apa bentuk berkenaan dengan perintah yang akhirnya dibuat pada 2 Julai 1988*'; dan dakwaan sama terhadap lima hakim atas alasan berat sebelah ditolak sebulat suara. Tuduhan-tuduhan ini diputuskan dengan betul bahawa ianya tidak dapat dibuktikan. Atas keputusan ini, tiga hakim, iaitu, Tan Sri Mohd Azmi, Tan Sri Eusoffe Abdoolcader dan Tan Sri Wan Hamzah dilepaskan daripada tuduhan sepenuhnya.
- 19.3 Kedua-dua tuduhan ini yang berjaya dibuktikan terhadap Tan Sri Wan Suleiman adalah: tidak menghadiri perbicaraan Mahkamah Agung yang dijadualkan pada 2 Julai 1988 di Kota Bharu tanpa sebab munasabah; dan mengarahkan kedua-dua

hakim Mahkamah Agung, Datuk George Seah dan Dato' Harun Hashim supaya tidak menghadiri perbicaraan Mahkamah Agung tersebut tanpa sebab yang munasabah. Ketiadaan sebab yang munasabah menjadi dasar untuk kedua-dua tuduhan.

- 19.4 Satu tuduhan sahaja yang dibuktikan secara majoriti terhadap Datuk George Seah iaitu ketidakhadirannya di perbicaraan di Kota Bharu pada 2 Julai 1988 tanpa sebab yang munasabah. Tribunal bersetuju bahawa “*dia dihadapkan dengan dua arahan yang bercanggah: satu daripada Tan Sri Wan Suleiman memintanya pulang ke Kuala Lumpur dengan secepat mungkin untuk membicarakan satu perkara yang belum lagi dihadapkan ke mahkamah dan satu lagi daripada Pemangku Ketua Hakim Negara supaya tetap berada di Kota Bharu*”. Selepas itu, tribunal menyimpulkan, “*tidak boleh dipersoalkan yang arahan daripada Pemangku Ketua Hakim Negara mempunyai mengatasi semua arahan yang lain*”. Walaubagaimana pun, tribunal juga menidakkann sebarang niat yang tidak wajar berkenaan dengan tindakan oleh Datuk George Seah. Adalah pelik bahawa berdasarkan keputusan ini, majoriti mengesyorkan pemecatan Datuk George Seah, yang dilaksanakan dengan serta merta.
- 19.5 Adakah keputusan, kesimpulan dan syor bagi pemecatan dua hakim tersebut betul dan berasas di sisi undang-undang? Pada pendapat kami, jawapannya tidak boleh lain melainkan tidak.

**Per: Datuk George Seah**

- 20.1 Selepas dengan tepat, menidakkann tuduhan berkenaan kewujudan niat yang tidak wajar terhadapnya, kandungan terpenting berkenaan salah laku kehakiman jelas tidak wujud. Faktor ini sahaja sudah mencukupi untuk menolak tuduhan.
- 20.2 Tambahan pula, penemuan yang tiadanya sebab munasabah untuk tidak terus berada di Kota Bharu untuk perbicaraan pada 2 Julai 1988 bertentangan dengan

fakta-fakta yang diakui. Tribunal sedar bahawa kepulangannya adalah kerana mematuhi arahan daripada Tan Sri Wan Suleiman, hakim terkanan Mahkamah Agung, ketika itu.. Adalah munasabah untuk beliau menganggap bahawa Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Abdul Hamid Omar, selaku Pengerusi Tribunal Pertama dan hakim yang terkanan berikutnya yang juga ahli tribunal itu tidak layak dan tidak boleh memberi arahan tersebut dan akibatnya Tan Sri Wan Suleiman menjadi pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus keanggotaan kehakiman dan memberi arahan berkenaan perbicaraan. Ini adalah pendapat yang dapat diterima dan munasabah yang boleh diambil dalam keadaan itu. Ia juga merupakan satu kejadian yang berlaku sekali sahaja tanpa apa-apa niat yang tidak wajar. Hal-hal ini sahaja sudah mencukupi untuk melepaskan Datuk George Seah daripada sebarang tuduhan. Tindakannya dalam keadaan yang wujud tersebut, tidak boleh dimaksudkan sebagai salah laku.

**Per: Tan Sri Wan Suleiman**

- 21.1 Selepas penolakan dakwaan mengenai niat atau konspirasi yang tidak wajar atau persetujuan untuk memihak kepada Tun Salleh, dan setelah mengambil pendapat bahawa pentafsiran seksyen 9(1) Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 selain daripada yang dibuat olehnya adalah munasabah, jalan yang wajar bagi tribunal adalah untuk menolak kedua-dua tuduhan ini dan bukan menganggapnya sebagai terbukti.
- 21.2 Seksyen 9(1) Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 adalah seperti berikut:

*“Bila-bila masa dalam apa-apa tempoh, oleh kerana sakit atau ketidakhadiran dari Malaysia atau kerana apa-apa sebab yang lain, Ketua Hakim Negara tidak dapat melaksanakan kuasanya atau menjalankan kewajipan-kewajipan berkenaan dengan jawatannya (termasuk tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan) kuasa tersebut akan dimiliki dan dilaksanakan dan kewajipan-kewajipan akan dijalankan oleh hakim Mahkamah Agung yang terkanan selepasnya dan yang berada di Malaysia and berupaya bertindak sedemikian”.*

*[“Whenever during any period, owing to illness or absence from Malaysia or any other cause, the Lord President is unable to exercise the powers or perform the duties of his office (including his functions under the Constitution) the powers shall be had and may be exercised and the duties shall be performed by the judge of the Supreme Court having precedence next after him who is present in Malaysia and able to act”.]*

- 21.3 Mengikut pentafsiran seksyen 9(1) *ibid.*, tribunal membentuk pendapat bahawa ‘tidak dapat... oleh kerana sakit atau ketidakhadiran dari Malaysia atau kerana apa-apa sebab yang lain’ merujuk terutamanya kepada sebab seperti kecacatan badan atau apa-apa sebab jasmani yang lain yang tidak dapat dikawal oleh Ketua Hakim Negara; dan ia tidak merangkumi ketidaklayakkan kerana berat sebelah atau kepentingan. Adalah penting untuk diperhatikan disini bahawa Peguam Negara mengakui bahawa kedua-dua pendapat yang dinyatakan di atas, adalah munasabah, dan beliau sendiri membuat pemerhatian bahawa tidak ada nas-nas yang kukuh atau berwibawa akan erti. Tribunal kemudiannya menyimpulkan:

*“Dengan yang demikian, Tribunal berpendapat ungkapan “apa-apa sebab yang lain” tidak merangkumi ketidaklayakkan atas alasan kepentingan atau mungkin berat sebelah, dan bahawa tentunya ini adalah pendapat yang lebih baik, namun pendapat yang lain tersebut, tidak boleh dikatakan sebagai tidak munasabah”.*

*[In these circumstances, while it is the definite view of this Tribunal that ‘any other cause’ does not include disqualification on the ground of interest or possible bias, and that this is certainly the better view, it is clear that the other view is not unreasonable”.]*

- 21.4 Setelah mencapai kesimpulan tentang erti seksyen 9(1) bahawa ‘pendapat yang lain tersebut, tidak boleh dikatakan sebagai tidak munasabah”, tindakan yang dibuat oleh Tan Sri Wan Suleiman tidak boleh ditidakkannya sebagai pendapat yang tidak munasabah. Seburuk-buruknya, terjemahan oleh Tan Sri Wan Suleiman hanya mungkin suatu kesilapan di sisi undang-undang, dan ini bukan salah laku kehakiman. Atas pendapat yang diambil olehnya terhadap peruntukan yang berkenaan, tindakannya kerana memanggil semula dua orang hakim dari Kota Bharu, mengarahkan perbicaraan luarbiasa di Kuala Lumpur oleh yang dianggotai oleh panel yang

terdiri dari 5 orang hakim serta perintah yang dibuat olehnya pada 2 Julai 1988 tidak boleh disalahkan. Tindakannya tidak boleh bermaksud salah laku kehakiman walaupun berdasarkan kepada takrifan yang diikuti oleh Tribunal Kedua. Tambahan pula, ia merupakan tindakan yang berlaku sekali sahaja tanpa niat yang tidak wajar, yang juga menjadi fakta yang ada kaitan untuk mentidakkan tuduhan yang dibentukkan oleh tribunal sendiri.

- 21.4 Lagi pula, pada pendapat kami, takrifan seksyen 9(1) yang dibuat oleh Tan Sri Wan Suleiman adalah takrifan yang betul dan bukan seperti yang diterima oleh tribunal. Ungkapan '*apa-apa sebab yang lain*' dalam peruntukan mesti bererti '*mana-mana sebab yang lain*', serta dengan apa yang ditetapkan, dan kerana inilah Ketua Hakim Negara tidak dapat menjalankan kewajipan jawatannya pada masa itu. Ini akan merangkumi ketidaklayakkan kerana berat sebelah atau mempunyai kepentingan. Pendapat yang diterima oleh tribunal sebagai lebih baik bercanggah dengan prinsip jurisprudens yang telah diputuskan terdahulu. *Nemo debet esse judex in propria cause* (tiada seorang yang boleh menjadi hakim dalam kesnya sendiri) adalah pepatah kedaulatan undang-undang dan keadilan sejagat. Jikalau Pemangku Ketua Hakim Negara dan bukan Tan Sri Wan Suleiman membuat keputusan mengikut takrifan seksyen 9(1) yang digunakan oleh tribunal, prinsip ini akan dicabuli. Pendapat yang diambil oleh Tan Sri Wan Suleiman adalah sejajar dengan prinsip-prinsip yang telah diputuskan dengan sekian lamanya. Dengan hormatnya, terjemahan seksysn 9(1) oleh tribunal adalah tidak tepat.
- 21.5 Tribunal Kedua menjelaskan prinsip-prinsip tersebut dengan betul tetapi salah pemakaianya. It memutuskan dengan betul bahawa '*bukti melampaui keraguan munasabah*' *dikehendaki untuk membuktikan dakwaan-dakwaan yang dibuat dalam perwakilan terhadap lima hakim*'. Namun, bertentangan dengan prinsip ini, ia memutuskan bahawa tuduhan-tuduhan telah dibuktikan walaupun ia menyatakan bahawa takrifan yang lain tersebut adalah juga munasabah dan bahawa tiada bukti tentang niat yang tidak wajar, berat sebelah ataupun konspirasi

untuk memberi apa-apa sokongan yang berlebih-lebih. Berdasarkan pendapat tribunal sendiri mengenai prinsip-prinsip yang boleh diterima pakai dan keputusannya yang memihak hakim-hakim, kesimpulannya terhadap dua orang hakim adalah tidak sejajar. Salah takrifan maksud seksyen 9(1) *ibid.* adalah satu lagi kesilapan yang serius yang mecacatkan laporannya serta keputusan untuk pemecatan yang dibuat olehnya.

### **Kesimpulan**

- 22.1 Keputusan dan kesimpulan yang dicapai oleh Tribunal Kedua juga tidak berasas dan tidak wajar, serta juga keputusannya untuk pemecatan 2 orang hakim yang tersebut di atas. Ketidakselarasan yang terlalu terang antara penjelasan prinsip-prinsip perundangan dan pemakaianya ke atas fakta-fakta Tribunal Kedua adalah membingungkan dan tidak boleh difahami. Akibat itu, tindakan untuk pemecatan Hakim-Hakim di bawah Perkara 125 tidak mengikut perlembagaan dan oleh itu, *non est.*

### **Jawapan kepada terma-terma rujukan**

- 23.1 Setelah mengkaji keputusan-keputusan dan laporan-laporan Tribunal Pertama dan Tribunal Kedua, dan setelah mempertimbangkan takrif dan maksud ‘salah laku kehakiman’ seperti tersebut di atas, Panel ini mencapai kesimpulan bahawa keanggotaan kedua-dua tribunal, kaedah-kaedah yang digunakan olehnya, dan keputusan-keputusan dan kesimpulan-kesimpulan dicapai terhadap Ketua Hakim Negara, Tun Salleh dan dua hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah, serta juga syor-syornya untuk pemecatan Ketua Hakim Negara dan dua hakim tersebut, tidak berasas ataupun wajar, berdasarkan keadaan kedua-dua kes tersebut.

- 23.2 Hatta, pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh, dan dua hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah daripada jawatan mereka adalah tidak mengikut perlembagaan dan *non est*.

### Syor-Syor

- 24.1 Terdapat banyak pendapat, bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar Malaysia, yang disokong oleh ulasan-ulasan daripada pakar undang-undang terkemuka yang diterbitkan di dalam jurnal undang-undang dan laporan media bahawa krisis kehakiman 1988 telah memberi kesan yang mendalam ke atas badan kehakiman Malaysia yang menyebabkan kehakisan kebebasannya. Tanggapan ini mungkin betul atau tidak tetapi kesan buruk daripada peristiwa-peristiwa 1988 terhadap tanggapan masyarakat tidak boleh disangsikan.
- 24.2 Maka, Panel ini berpendapat bahawa adalah wajar baginya membuat beberapa syor untuk tujuan membina kepercayaan orang awam terhadap kedaulatan undang-undang dan kebebasan badan kehakiman dalam Negara ini. Badan peguam dan badan kehakiman yang bebas adalah penting untuk perkembangan politik, ekonomi dan social di Malaysia. Tanpa mengkritik kejujuran mana-mana individu hakim, fakta yang tidak boleh dinafikan adalah peristiwa-peristiwa berhubung dengan krisis kehakiman 1988 telah merendahkan kepercayaan orang awam terhadap badan kehakiman pada keseluruhannya. Reputasi badan kehakiman perlu dikembalikan dan amalan-amalan yang salah yang berlaku pada 1988 harus tidak berulang. Berdasarkan semangat ini, Panel ini yang terdiri daripada fraterniti guaman di rantau Asia-Pasifik mempunyai beberapa cadangan untuk dibentukkan sebagai syor-syor. Ini adalah:-
1. Demi kepentingan Negara, adalah perlu untuk menebus kepercayaan orang awam terhadap kebolehpercayaan badan kehakiman dan kedaulatan undang-undang agar ketidakadilan yang dilakukan terhadap Ketua Hakim Negara, Tun Salleh, dan dua hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman dan Datuk George Seah diperbetulkan, dengan cara yang terbaik dan seawal mungkin. Pengakuan kesilapan oleh kerajaan kerana memecat tiga hakim tersebut pada 1988 dan

mengambil langkah yang wajar untuk membetulkannya merupakan satu isyarat yang wajar bagi tujuan mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap badan kehakiman. Panel menghargai pernyataan terbaru yang dilaporkan dan juga tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan dewasa ini berhubung dengan isu ini.

2. Pernyataan Beijing mengenai Prinsip-Prinsip Kebebasan Badan Kehakiman di Rantau LAWASIA, 1997 dan Prinsip-Prinsip Bangalore mengenai Tingkah Laku Kehakiman, 2002 harus dipakai sebagai garis panduan untuk kebebasan badan kehakiman dan kebertanggungjawaban kehakiman.
3. Sekiranya keadaan yang sama berlaku pada masa hadapan yang memerlukan penggunaan Perkara 125(3), ketelitian perlu diambil terhadap keanggotaan tribunal untuk memastikan ketiadaannya sebarang bahaya berat sebelah.

Ketelitian juga harus diambil untuk melantik ahli-ahli yang bertaraf lebih tinggi, atau sekurang-kurangnya sama di sisi darjah dan pangkat dengan hakim yang disiasat demi menjaga maruahnya, dengan cara, jika perlu, melantikkan ahli-ahli dari mana-mana bahagian Komanwel. Inilah semangat di bawah Perkara 125(4) Perlumbagaan yang harus dihormati.

Tatacara yang diikuti oleh sebuah tribunal pada masa hadapan, bukan seperti Tribunal Pertama, harus memastikan bahawa peluang yang penuh dan adil diberi kepada hakim berkenaan, untuk membela dirinya sendiri, termasuk hak untuk diwakili oleh seorang peguam yang dipilih olehnya sendiri.

4. Pemisahan kuasa antara badan kehakiman dan eksekutif mustahak demi kebebasan badan kehakiman. Seharusnya, tiada sebarang penguasaan eksekutif atas kerjaya dan prospek masa hadapan seorang hakim selepas perlantikannya.

Ketegangan antara badan kehakiman dan eksekutif adalah biasa, khususnya, kerana peranan proaktif badan kehakiman dilihat sebagai memperkuatkan semangat kedaulatan undang-undang. Perbezaan halus antara kuasa pihak eksekutif dan badan kehakiman harus dikekalkan tanpa mengorbankan hak-hak asasi individu atau kumpulan. Dalam keadaan yang melibatkan ketegangan yang semakin meningkat, badan kehakiman boleh mengambil langkah-langkah pencegahan yang wajar yang tidak akan menghakiskan maruah atau kebebasan dari apa-apa segi. Kelaziman mengenai keadilan sejagat dan prinsip-prinsip untuk perbicaraan adil yang diiktiraf oleh seluruh dunia harus merangkumi (i) pemisahan pengadu dari proses pemilihan ahli-ahli tribunal (ii) ketiadaan pertentangan kepentingan atau berat sebelah yang dapat dilihat akan ahli-ahli tribunal (iii) hak untuk meminta pendengaran awam (iv) keperluan bukti melampaui keraguan

- munasabah, dan (v) penggantungan hakim sambil menantikan penyiasatan hanya dalam hal keadaan yang luabiasa.
5. Kebebasan badan kehakiman dan pemakaian kedaulatan undang-undang adalah mustahak bagi kemajuan semua masyarakat. Badan guaman mempunyai peranan yang sangat penting demi menjunjung prinsip-prinsip ini dan ia mempunyai kewajipan untuk memainkan peranan aktivis berkenaan dengan isu ini.
- 24.3 Ini adalah beberapa syor umum oleh Panel berdasarkan kepada kelaziman yang sudah wujud yang diikuti oleh negara-negara yang ditadbirkan oleh kedaulatan undang-undang, termasuklah yang berada di rantau Asia-Pasifik. Diharapkan laporan ini akan menjadi suatu peringatan, memandangkan keperluan melangkah kehadapan dan membetulkan kesan-kesan buruk krisis kehakiman 1988.

Setelah menyelesaikan penugasannya, Panel dengan ini menyampaikan laporannya kepada jawatankuasa bersama pada hari ini, iaitu kedua-puluh enam Julai 2008.

Hakim J. S. Verma

Pengerusi

Hakim Fakruddin G. Ebrahim

Ahli

Dr. Puan Asma Jahangir

Ahli

Tan Sri Dato' Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman

Ahli

Dr. Gordon Hughes

Ahli

Dato' W. S. W. (Bill) Davidson)

Ahli